

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan
(Pindaan) 1996 (Ruangan 17)

Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (1995)(No.2) 1996 (Ruangan 28)

Rang Undang-undang Pembangunan
Sumber Manusia (Pindaan) 1995 (Ruangan 43)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)

- Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)

- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Ketua Penolong Setiausaha
Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha
Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan
Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Azhari bin Hamzah
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 23hb. Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****RAMALAN KAJI CUACA MENGENAI BANJIR -
PENGUMUMAN AWAL OLEH RTM**

1. **Tuan Tan Swee Hueng [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Penerangan menyatakan bolehkah beliau berhubung dengan lebih rapat lagi dengan Jabatan Kaji Cuaca dan mengkaji ramalan kaji cuaca dengan lebih awal tentang kemungkinan berlakunya banjir di kawasan-kawasan yang kerap mengalami bencana tersebut dalam usaha untuk memelihara serta menyelamatkan nyawa, harta benda dan juga ternakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sememangnya sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca dalam usaha untuk meningkatkan prestasi penyaluran maklumat mengenai ramalan keadaan cuaca di negara ini. Kerjasama ini meliputi penyaluran maklumat melalui Radio Televisyen RTM khususnya mengenai ramalan hujan lebat yang boleh mengakibatkan banjir kilat bagi kawasan-kawasan yang kerap dilanda banjir yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca.

**PROJEK KEPADA KONTRAKTOR BERWIBAWA -
PERATUS KELULUSAN**

2. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan banyak projek-projek yang ditawarkan oleh kerajaan kebanyakan dimenangi oleh kontraktor berwibawa dan mereka yang tidak berwibawa kebanyakan kecewa dan kesal di atas kejadian seperti itu, berapa peratuskah projek tawaran yang dikhaskan kepada kontraktor berwibawa dan berapa peratus pula yang dikhaskan kepada bukan berwibawa untuk menandingi sesama mereka.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan menetapkan hanya 30% daripada keseluruhan projek-projek melalui peruntukan persekutuan kepada kontraktor-kontraktor berwibawa sepertimana yang diperuntukkan di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, dan sekurang-kurangnya 30% lagi kepada kontraktor bumiputera yang lain.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan hari ini banyak sungutan-sungutan bahawa kontraktor berwibawa ini menjalankan tugas lebih kurang sama dengan yang dulu juga iaitu menggunakan 'Ali Baba'. Oleh sebab itu, adakah kerajaan akan mengubah suai di atas pemberian kepada kontraktor berwibawa ini iaitu diselaraskan ke seluruh kontraktor bumiputera?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya program ini bertujuan untuk merangkumi keseluruhan kontraktor bumiputera. Pada masa ini ada 268 kontraktor berwibawa dari kelas 'A' sehingga kelas 'F'.

Untuk menjawab soalan pertama daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin, pihak Perbendaharaan sentiasa mengikut pergerakan dan prestasi syarikat-syarikat kontraktor berwibawa khususnya di dalam aspek kemungkinan mereka menjalankan kerja yang dipanggil oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin tadi sebagai 'Ali Baba'. Sebilangan kontraktor-kontraktor ini telah dikenal pasti dan telah diberi amaran dan jikalau diteruskan lagi kerja yang tidak memberi manfaat kepada program yang dikhaskan untuk pembangunan bumiputera ini, mereka akan disenaraihitamkan.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai apakah ada daripada rekod kementerian, projek-projek yang diserahkan kepada kontraktor-kontraktor berwibawa tidak dapat disempurnakan oleh mereka?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada projek yang tidak dapat disempurnakan oleh kontraktor-kontraktor berwibawa ini mengikut rekod di kementerian, tetapi ada projek-projek yang lambat yang mana kebanyakan sebab-sebab kelambatan kerja disebabkan oleh faktor-faktor luaran yang tidak dapat dikawal oleh kontraktor itu sendiri, misalnya kekurangan simen, kekurangan tenaga buruh dan ini kita ambil kira masalah-masalah ini dan kita mengadakan beberapa program untuk membantu kontraktor-kontraktor berwibawa yang berkenaan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, apakah sumbangan kerajaan untuk memajukan kontraktor-kontraktor berwibawa ini dan apakah matlamat jangka panjang kerajaan mewujudkan kontraktor-kontraktor berwibawa?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sektor pembinaan negara adalah satu daripada sektor yang sedang menghadapi peningkatan pertumbuhan yang pesat semenjak beberapa tahun yang lalu. Jadi, apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memulihkan kaum bumiputera mendapat habuan di dalam sektor yang lumayan ini ialah melalui pimpinan, iaitu selepas dikenal pasti bahawa kebanyakan kontraktor-kontraktor bumiputera tidak mempunyai daya tahan di dalam menjalankan projek mereka tanpa diberi kelangsungan projek-projek, iaitu mempunyai satu projek diteruskan sehingga banyak projek.

Jadi, satu daripada strategi-strateginya ialah kita memilih beberapa kontraktor-kontraktor berwibawa, saya sebut tadi 268 kontraktor-kontraktor yang berwibawa, yang dipimpin oleh pihak Perbendaharaan yang mana kita memberi projek-projek kepada mereka mengikut kemampuan dan mengikut aliran berterusan supaya mereka dapat berdiri dengan kaki sendiri dan, insya-Allah, pada satu masa mereka akan dibebaskan daripada pimpinan kerajaan ini.

ATLET RASUAH - JUMLAH TERLIBAT

3. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-
- (a) berapa ramaikah atlet-atlet yang terlibat dengan kes rasuah telah dikesan sejak bulan Januari 1995 hingga kini dan tindakan apakah diambil terhadap mereka itu; dan
 - (b) bidang manakah dalam sukan negara yang paling banyak berlaku kes rasuah dan apakah rancangan yang disusun oleh kerajaan untuk mencegah kes rasuah dan seterusnya meningkatkan tahap pencapaian sukan negara kita.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya pemain-pemain bola sepak sahaja yang dikesan terlibat dalam menentukan keputusan pertandingan. Sejak bulan Januari 1995, seramai 6 pemain bola sepak telah dihukum buang daerah di bawah Akta Kediaman Terhad dan Persatuan Bola sepak Malaysia (FAM) pula telah menggantung pemain-pemain berkenaan daripada bermain bola sepak seumur hidup.

Setakat ini hanya sukan bola sepak sahaja yang diketahui terlibat dalam kegiatan menentukan keputusan-keputusan pertandingan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Persatuan Bola sepak Malaysia untuk memperbaiki keadaan ini ialah:-

- (i) ahli-ahli gabungan Persatuan Bola sepak Malaysia diminta mengawasi dan menilai prestasi pemain dalam setiap perlawanan khususnya dalam aspek taktikal. Kejujuran seorang pemain akan mudah dikesan daripada persembahannya dalam setiap permainan. Semua pemain diberi khidmat kaunseling serta menjalani kursus motivasi. Mereka perlu diberi kaunseling bagi menghakis sikap kemewahan dan mengejar wang. Persatuan bola sepak negeri ataupun majikan harus menunaikan janji masing-masing kepada para pemain. Kelewatan pembayaran gaji serta ganjaran-ganjaran lain akan mendorong para pemain mencari wang daripada saluran lain terutama daripada kaki-kaki judi;
- (ii) menggubal semula syarat-syarat kontrak pemain profesional. Kontrak yang ada sekarang ini lebih menjaga kepentingan pemain dan penggubalan ini membekalkan peruntukan pihak persatuan sebagai majikan menghukum pemain yang disyaki terlibat dalam amalan rasuah;
- (iii) mensyaratkan semua pegawai dan pemain membuat pengisytiharan harta dan simpanan mereka;
- (iv) menubuhkan jawatankuasa penapisan yang terdiri daripada ahli-ahli bebas yang akan mengesyorkan pemain-pemain yang disyaki terlibat dalam amalan rasuah supaya mereka digugurkan atau tidak diambil oleh mana-mana pasukan lagi; dan
- (v) menubuhkan Jawatankuasa Privy Watch dengan ahli-ahli yang terdiri daripada bekas-bekas pemain. Tugas jawatankuasa ini adalah untuk meneliti prestasi pemain yang disyaki melalui rakaman video.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan kes-kes ini telah dapat dikesan dan sebagainya. Tentulah rasuah ini ada penerima dan ada pemberinya. Jadi, saya tidak dengar tadi berapakah 'bookie' yang ditangkap berkait dengan kes-kes yang kita hukum pemain-pemain ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kaki-kaki 'bookie' yang telah disiasat dan ditangkap saya tidak mempunyai angka-angka di sini. Saya minta maaf dan akan memberikan jawapan secara bertulis.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya ramai betul peminat Manchester United sama Juventus. [Ketawa]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Soalan tambahan. Selain dari terlibat dengan rasuah, apakah kementerian sedar bahawa mereka ini juga terlibat dengan seks seperti kita hantar mereka ke Bangkok, Manila, Jakarta dan mereka balik jauh malam, berkemungkinan mereka ini mengunjungi rumah urut dan sebagainya? Apakah kementerian sedar perkara ini berlaku?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, semua pemain ataupun atlet-atlit sukan diminta supaya mereka berdisiplin. Jangan mereka pergi ke mana-mana tempat yang tidak diinginkan. Jadi, walaupun dari segi rasuah ini bukan rasuah dalam bentuk wang tetapi atlet-atlit digalakkan supaya tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ini. Tetapi persatuan-persatuan sukan diminta supaya pemain ataupun atlet-atlit mereka dikawal dengan baik supaya mereka tidak membawa imej yang buruk kepada sukan itu ataupun kepada negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga dan bersyukur kerana tidak ada pihak atlet-atlit yang terlibat dengan rasuah sebab saya dengan minat dengan atlet ini. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah unsur-unsur baiknya kita buang daerah mereka ini semua? Adakah ini satu, dengan izin, punitive action? Kepada saya yang dibuang daerah ini mereka seronok dibuang daerah sebab kebanyakan daerah-daerah kita di Malaysia ini keadaannya baik. Misalannya daerah Lipis, Raub, Jerantut ini semua terkenal belaka. Jadi kalau mereka dibuang daerah ke Raub, seronok sangatlah. Apa unsur-unsur kebaikannya kepada mereka yang enam orang ini dan juga yang lain yang dihantar oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri yang duduk di belakang itu? Apakah kebaikannya? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu. Kalau boleh cerita sedikit berkenaan dengan buang daerah ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini seperti apa yang saya telah terangkan bahawa pembuangan daerah adalah salah satu penalti yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan. Selain daripada langkah ini, kita juga menjalankan beberapa langkah untuk menghakis sikap ini supaya pemaini-pemain di masa depan tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti rasuah ini. Jadi, kalau benar-benar hendak tahu apa unsur-unsur baik membuang daerah pemain-pemain ini, saya ingin memberitahu bahawa ada pemain-pemain yang merasa seronok juga kerana dengan dibuang daerah itu mereka tidak merasa apa-apa kesusahan. Kaki-kaki 'bookie' yang ditangkap, kalau dibuang daerah mereka pun boleh campur tangan melalui sekarang ini seperti komputerkah, Internetkah, itu boleh juga.

Jadi, sekarang ini kita susah, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, satu akta Pembangunan Sukan akan dibentangkan supaya dapat dikurangkan kejadian rasuah dalam sukan atau dalam bola sepak ini. Kalau kita tengok dari segi yang baik adalah satu ajaran kepada persatuan-persatuan sukan lain supaya kita bersama-sama membincang macam mana kejadian ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan dengan langkah-langkah yang lebih efektif pada masa kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana ramai yang minat, saya beri seorang lagi. Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih belum faham, bagi diri saya sendiri, mengapa tidak berlaku rasuah dalam bidang-bidang sukan yang lain. Bolehkah pihak Timbalan Menteri beri saya faham apakah sebab-sebabnya?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya cuma sukan-sukan yang popular yang mana kaki-kaki 'bookie' berminat untuk menentukan pertandingan ataupun keputusan pertandingan kerana bola sepak adalah satu sukan yang popular. Sukan lain seperti....

Tuan Yang di-Pertua: Badminton.

Dato' Loke Yuen Yow: Badminton kemungkinan tidak begitu besar kerana kalau mereka tidak bermain dengan bersungguh-sungguh, mudah untuk ditangkap.

Jadi, sukan macam bola keranjang dan juga sukan-sukan lain, ada kemungkinan akan pada masa datang kelak kaki-kaki 'bookie' akan berminat, ini susah sedikit. Kalau pada masa dahulu sukan itu tidak popular - tidak ada 'bookie', sekarang ini apa sahaja sukan dan lain-lainnya semua popular, kerana kaki-kaki 'bookie' masuk untuk mencari keuntungan. Ini adalah satu masalah kepada masyarakat apabila kita maju.

INDUSTRI TELEKOMUNIKASI - PERLINDUNGAN DARI KEMENTERIAN

4. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi melindungi industri telekomunikasi negara daripada amalan yang tidak sihat dan tidak adil pihak asing yang boleh mengganggu kelancaran operasinya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memang memandang serius terhadap amalan-amalan yang tidak sihat serta tidak adil oleh pihak asing dalam industri telekomunikasi negara dan tindakan sewajarnya termasuk pindaan Undang-undang Telekomunikasi akan diambil jika sabit kesalahannya.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini nampaknya panggilan balik antarabangsa atau dengan izin, international call back, sudah jadi sangat popular dan ada negara-negara asing yang terlibat seperti Amerika Syarikat dan juga akan menjejaskan pasaran telekomunikasi negara kita. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan tentang kerugian kerajaan dan berapakah syarikat tempatan yang terlibat dalam kegiatan ini serta pendirian kerajaan untuk mengawal keadaan ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan international call back, telah pun beroperasi di negara kita sejak tahun 1994 dan sehingga sekarang kerajaan telah pun mengenal pasti lebih kurang 10 syarikat luar negara terutamanya dari Amerika Syarikat telah menjalankan operasi perkhidmatan international call back di negara kita melalui beberapa agen di negara kita.

Saya tidak menafikan bahawa perkhidmatan ini telah menjadikan ataupun telah menjadi semakin popular khususnya di antara mereka yang selalu membuat panggilan antarabangsa kerana kadar panggilannya yang lebih rendah, kalau dibandingkan dengan kadar yang dikenakan oleh pengusaha telekomunikasi yang sedia ada dalam negara kita. Namun begitu, saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kalau sekiranya perkhidmatan international call back ini dibiarkan berterusan, maka ia akan mendatangkan atau menyebabkan negara kita menghadapi kerugian yang amat besar kerana melalui sistem ini, sebahagian besar charge panggilan akan disalurkan kepada pengusaha telekomunikasi di luar negara yang mengendalikan perkhidmatan ini. Maka pendirian kerajaan dalam perkara ini ialah pihak kerajaan tidak terima atau tidak menggalakkan penggunaan perkhidmatan international call back dan pendirian ini telah pun diberitahu kepada negara-negara yang berkenaan melalui International Telecommunication Union (ITU).

Beberapa langkah telah pun diambil baru-baru ini:-

- (i) kita sedang mengambil tindakan untuk meminda peruntukan undang-undang untuk mengharamkan perkhidmatan ini;
- (ii) pihak kerajaan berharap bahawa melalui Tariff Rebalancing Exercise, dengan izin yang akan berkuatkuasa pada 1hb. Jun 1996 di mana charge ataupun kadar panggilan antarabangsa

akan dikurangkan antara 6% hingga 33%. Ia akan jadi lebih kompetitif, maka rakyat Malaysia akan menggunakan panggilan melalui pengusaha telekomunikasi tempatan kerana kadarnya yang lebih kompetitif.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa pada ketika yang lampau terdapat di mana telekomunikasi menerusi gelombang radio yang diusahakan oleh pihak pertahanan kita telah diganggu-gugat oleh negara asing. Kalau sedar sila nyatakan berapa insiden yang telah berlaku dan apakah tindakan yang diambil kepada negara yang terlibat menyekat gelombang radio komunikasi yang berkaitan dengan sistem pertahanan kita?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya memang sedar tentang gangguan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman itu, tetapi mengenai berapa kes yang telah berlaku ini saya tidak diberitahu oleh pihak Kementerian Pertahanan. Memang ini merupakan rahsia negara, maka pihak kementerian saya tidak diberitahu. Walau bagaimanapun, pihak kementerian berkenaan telah pun dinasihatkan oleh kementerian saya supaya mempertingkatkan teknologi telekomunikasi supaya gangguan ini tidak berlaku lagi.

TAMBANG BAS SEKOLAH - SEBAB KENAIKAN

5. **Puan Mastika Junaidah binti Husin [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sebab-sebabnya kementerian beliau bersetuju menaikkan tambang bas sekolah mulai April 1996 ini. Nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pengusaha bas sekolah mematuhi had kenaikan tambang dan tindakan yang diambil ke atas mereka yang melanggar peraturan kenaikan tambang ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, tambang bas sekolah yang lama berkuatkuasa sejak tahun 1984 dan tidak diulangkaji selama dua belas tahun yang lalu, sedangkan kos operasi pengusaha bas sekolah meningkat naik setiap tahun. Justeru itu, kadar tambang bas lama ini tidak dapat menampung kos operasi pengusaha bas sekolah. Kerajaan setelah mengkajinya dengan mendalam mendapati adalah wajar tambang bas sekolah dinaikan pada 1hb. April 1996.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Usahawan bagi memastikan pengusaha bas memastikan pengusaha bas sekolah mematuhi kadar tambang baru adalah:

- (i) meminda kaedah Kenderaan Motor (Pindaan) 1994 dan mewartakannya untuk memaklumkan orang ramai dan urusan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis DiRaja Malaysia;
- (ii) memaklumkan kepada Persatuan Pengusaha Bas Sekolah berhubung kenaikan tambang bas baru untuk disampaikan kepada ahli mereka;
- (iii) semasa mengeluarkan Lesen Baru Bas Sekolah kepada pengusaha disertakan dengan surat iringan, yang mengandungi kadar tambang baru yang mesti dipatuhi;
- (iv) memaklumkan kepada orang ramai melalui media massa supaya membuat aduan bertulis ataupun melalui telefon kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ataupun Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis DiRaja Malaysia jika ada pengusaha bas sekolah yang mengenakan

tambang berlebihan dari kadar yang diluluskan oleh kerajaan; dan

- (v) siasatan segera dijalankan untuk memastikan keadaan yang sebenarnya bagi semua aduan yang diterima.

Tindakan yang diambil terhadap pengusaha bas sekolah yang mengenakan tambang berlebihan adalah:-

(i) **bagi kesalahan pertama**

JPJ dan Polis akan mengenakan kompaun tidak melebihi RM300. LPKP pula akan memberi amaran bertulis dan menggantung kemudahan mendapatkan Lesen Cartar selama satu tahun.

(ii) **bagi kesalahan kedua**

JPJ atau Polis akan mengenakan kompaun tidak melebihi RM300 juga, KPKP pula akan menggantung lesen bas sekolah selama tempoh 3 hingga 6 bulan dan menggantung kemudahan mendapatkan Lesen Cartar selama 1 tahun; dan

(iii) **bagi kesalahan ketiga**

LPKL akan membatalkan Lesen Bas Sekolah tersebut.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Kita boleh terima yang kenaikan tambang bagi bas sekolah atas sebab-sebab yang telah disebutkan. Tetapi kita juga tahu bahawa mereka yang akan dikenakan tambang itu ialah murid-murid. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi subsidi kepada tambang yang dinaikkan untuk bas-bas sekolah, memandangkan yang dikenakan itu ialah murid-murid sekolah. Kita tahu ada negara-negara luar memberi subsidi-subsidi kepada murid-murid sekolah.

Tuan Idris bin Jusoh: Sehingga kini tidak ada cadangan bagi pihak kerajaan untuk memberi subsidi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi pihak kerajaan ada menyebut bahawa pihak pengusaha-pengusaha bas terpaksa menampung kos yang tinggi bagi menjalankan bas-bas mereka. Adakah kerajaan sedar bahawa pengusaha-pengusaha bas ini kebanyakannya membeli bas-bas second hand. Kadang-kadang mereka muatkan pelajar-pelajar ini lebih ramai daripada had yang sepatutnya. Itu satu. Kerajaan juga membenarkan pengusaha-pengusaha bas sekolah ini menggunakan bas mereka semasa keperluan pengangkutan, musim cuti dan sebagainya ataupun membawa pelawat-pelawat. Biasanya bas-bas sekolah ini membawa anak-anak orang susah sahaja. Jadi, dengan kenaikan yang tidak terkawal ini dan tidak mengambil kira unsur-unsur lain, dan kerajaan tak bercadang hendak memberi subsidi pula, bukankah pula ini menjadi satu beban kepada rakyat miskin?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalnya.

Tuan Idris bin Jusoh: Di dalam membuat kajian ini memang kerajaan telah mengambil semua aspek supaya ia tidak membebankan penghuni-penghuni miskin daripada kampung-kampung. Kalau kita lihat pun penambahan hanya dalam kadar 15% bagi tempoh 12 tahun yang lalu. Kita dapat rungutan kebanyakan daripada pengusaha-pengusaha yang mengatakan tambang yang dikenakan itu tidak mencukupi bagi mereka. Tetapi setelah kita membuat analisa dan dapati walaupun kita tahu antara mereka yang menggunakan bas second hand, mereka diberi peluang untuk membawa murid-murid dan menggunakan lesen charter dan sebagainya, ini semua telah diambil kira, dan didapati tambang yang dikemukakan adalah amat berpatutan.

6. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) cara-cara atau prosedur-prosedur untuk mendaftarkan sesebuah pertubuhan dan berapa lamakah sesuatu permohonan itu diluluskan; dan
- (b) adakah setengah NGOs mendaftarkan di bawah Pendaftar Syarikat, sedangkan tujuan mereka bukan untuk berniaga tetapi hendak cepat mendapat kelulusan supaya mudah bergerak dan sah di sisi undang-undang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jawapan bagi pertanyaan tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) cara-cara untuk mendaftarkan sesebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 adalah dengan mengisi borang permohonan dan mengemukakannya kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri berkenaan bersama-sama dengan:-
 - 6 salinan borang permohonan.
 - 6 naskah undang-undang pertubuhan.
 - 6 salinan senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Penaja yang mengandungi butir-butir lengkap, iaitu jawatan dalam pertubuhan, nombor kad pengenalan, tarikh dan tempat lahir, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah.
 - 4 salinan minit mesyuarat penubuhan pertubuhan.
 - 6 salinan contoh lambang.
 - bayaran permohonan RM30.00 dengan setem pos yang belum dibatalkan.

Proses pendaftaran pertubuhan akan mengambil masa 1 hingga 4 bulan dengan syarat permohonan memenuhi semua kehendak seksyen 9A dan seksyen 49 Akta Pertubuhan 1966.

- (b) Sesebuah pertubuhan jika ianya ingin menjadikannya sebagai sebuah syarikat, boleh didaftar di bawah Akta Syarikat 1965 tidak mengira sama ada ianya sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) atau tidak. Untuk makluman Yang Berhormat juga sebuah syarikat berhad tidak semestinya bermotif keuntungan, tetapi sebaliknya ada yang mempunyai tujuan-tujuan amal di bidang untuk mempromosi perdagangan, seni, sains, agama dan lain-lain untuk faedah masyarakat. Oleh itu, ada kemungkinan sesetengah NGOs didaftarkan di bawah Akta Syarikat bukan bertujuan untuk berniaga dan meraih keuntungan, tetapi menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan untuk faedah masyarakat dan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Semua sudah puas hati.

7. **Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah cara terbaik kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan saintis bidang tersebut yang keadaannya dikatakan cukup meruncing.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mengatasi masalah kekurangan saintis negara, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sebagai langkah jangka pendek, kerajaan telah memperkenalkan Skim Pengambilan Balik Saintis yang bertujuan untuk menggalakkan saintis-saintis Malaysia di luar negeri pulang ke tanah air dan berkhidmat dengan institusi awam dalam negeri. Usaha ini dijangka dapat mengurangkan masalah kekurangan saintis dalam beberapa bidang.

Di bawah Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian (PTPTP) beberapa program untuk meningkatkan bilangan saintis negara sedang dijalankan. Salah satu dari program yang dijalankan di bawah perakuan ini ialah program untuk meningkatkan bilangan pelajar lepasan ijazah sehingga 10% dari jumlah pelajar sarjana muda. Di bawah perakuan ini program pasca siswazah atau post graduate dan pasca doctoral khusus dalam bidang teknologi baru telah dijalankan oleh institusi pengajian tinggi tempatan. Bagi program pasca siswazah, ianya melibatkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ph.D melalui penyelidikan.

Bagi program pasca doctoral pula, ianya melibatkan pengambilan saintis sama ada dari dalam dan luar negeri untuk tempoh setahun bagi menjalankan penyelidikan di institusi pengajian tinggi tempatan. Melalui program ini kekurangan tenaga penyelidik dijangka dapat diatasi dalam tempoh yang singkat.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menambah bilangan tenaga manusia, research and development (R&D) termasuk saintis dan ahli teknologi dari 400 pada masa ini kepada 1,000 bagi setiap sejuta penduduk menjelang tahun 2000. Peruntukan yang besar akan diberikan kepada universiti dan institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan tenaga manusia sains dan teknologi (S&T) peringkat tinggi yang diperlukan untuk aktiviti-aktiviti R&D serta pengurusan dan pembangunan teknologi. Sebuah tabung baru untuk sumber tenaga manusia sains dan teknologi akan diwujudkan. Tabung ini akan menyediakan biasiswa khususnya di peringkat lepasan ijazah, post-graduate, dengan izin, dan lepasan ijazah kedoktoran, post-doctoral, serta fellowship untuk penyelidikan siswazah dan pengajian lanjutan. Langkah ini merupakan sebahagian dari usaha menyediakan tenaga manusia sains dan teknologi yang diperlukan.

Sebagai langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah kekurangan saintis negara, kementerian ini terus mengadakan program kesedaran dan penghayatan sains dan teknologi di peringkat sekolah, maktab perguruan dan juga institusi pengajian tinggi. Usaha ini dijangka akan menggalakkan lebih ramai pelajar yang membuat pengkhususan dalam bidang sains dan teknologi dan meneruskan kerjaya mereka dalam bidang ini. Langkah ini adalah cara yang terbaik untuk mengatasi masalah kekurangan saintis dalam tempoh jangka panjang.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah dijelaskan tadi oleh Timbalan Menteri bahawa langkah jangka pendek kerajaan ialah untuk memanggil balik saintis-saintis daripada luar negara. Saya ingin tahu berapakah bilangan saintis-saintis negara kita yang berada di luar negara, berapakah yang telah balik dan adakah kerajaan mampu membayar gaji dan juga memberikan kemudahan-kemudahan sejajar sebagaimana yang mereka dapati di negara yang mereka sedang bertugas sekarang?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, bilangannya saya tidak dapat menyatakan di sini, ini perlu memberi notis. Tetapi ramailah saintis-saintis kita di luar negeri yang telah menulis, dan sesetengahnya telah ditemu duga oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pihak Kementerian Pendidikan dan ada juga

beberapa orang telah diambil. Memanglah kerajaan Malaysia mempunyai kemampuan untuk membayar, tetapi tidaklah sejumlah seperti yang dibayarkan mengikut rate Bangsa-bangsa Bersatu atau di peringkat-peringkat yang lebih tinggi, mengikut kemampuan rate negara kita. Itulah 'saudara-saudara' dan Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] minta maaf. Saya ingat saya 'address crowd', minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Address pemain-pemain bola!

Dato' Abu Bakar bin Daud: Ya. [Ketawa] Itu sudah banyak ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar kita memanglah digalakkan untuk mengambil bidang sains dengan begitu banyak sekali sekarang ini.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada awal tahun 80-an, masa itu kita menghadapi masalah untuk menempatkan para graduate kita di dalam jabatan-jabatan kerajaan maka terdapatlah pelajar yang telah lulus universiti dari aliran sains dimasukkan ke jabatan-jabatan yang tidak bersangkutan dengan itu. Umpamanya, saya dapat kesan terdapat pelajar-pelajar ini yang masuk ke dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri. Apakah kerajaan sedar dan apakah tindakan yang akan diambil? Mestikan mereka ini dapat memberi sumbangan kepada negara.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar dan usaha-usaha untuk membetulkan keadaan-keadaan ini telah dibuat dan ada juga keperluan seperti di dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri, kita memerlukan mereka yang mempunyai kelulusan ini, kerana bukan sahaja hendak kutip duit dalam masalah ini, tetapi penyiasatan dalam benda-benda yang berkaitan yang kita tidak tahu di sini yang memerlukan kepakaran dalam bidang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan RMK-7 telah memberi penekanan terhadap R&D, dengan izin, Penyelidikan dan Pembangunan dan beliau telah menekankan keperluan kepada industri berorientasikan modal dan sains teknologi. Ini bermakna peranan Kementerian Sains dan Teknologi lebih sophisticated dan perlu menyediakan program yang konkrit. Dalam hal ini apakah persediaan setakat ini? Kita nampak peruntukan yang diberi pun semakin bertambah dalam bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Saya tidak nampak setakat ini apa program di bawah kementerian ini ke arah itu.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memang betul. Tadi pun kita mengadakan mesyuarat kepada semua wakil-wakil negeri, Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Sains dan Teknologi. Memang kita menyediakan program-program dan peruntukan di tambah - betul, RM1.2 bilion - kalau tidak salah ingatan saya. Jadi, memang ada tetapi takkan kita hendak dapat buat selalu, kita merancang, mencari pakar-pakar (experties) - ini dia.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang kita tidak mahu. Sepatutnya kalau Perdana Menteri boleh buat Wawasan 2020, kementerian-kementerian lain seharusnya boleh membaca apa persiapan yang patut dibuat. Ini kita sudah terlambat - ini yang salah dan rosaknya.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri kata boleh buat selalu. "Selalu" dalam bahasa Terengganu bermakna "dibuat sekarang juga".

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada wakil yang senama dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Senama - Bakar lawan Bakar.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Ianya mengambil masa. Rome is not built in one day. [Ketawa]

PEKERJA ASING - GEJALA MASALAH SOSIAL

8. **Tuan Yim Chee Chong [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan dengan kadar pembangunan yang pesat tenaga buruh amat diperlukan dalam hubungan ini, adakah usaha kementerian bagi memastikan kemasukan buruh-buruh asing ke negara ini tidak menimbulkan masalah sosial seperti AIDS, rogol dan lain-lain penyakit yang mungkin timbul.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, beberapa usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk menentukan bahawa kemasukan pekerja asing tidak menimbulkan masalah sosial kepada negara. Di antaranya:

- (i) setiap pekerja asing yang ingin bekerja di negara ini dikehendaki terlebih dahulu menjalani pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh di klinik negara masing-masing yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Hanya mereka yang disahkan sihat tubuh badan dan tidak mempunyai apa-apa penyakit dikeluarkan visa untuk datang ke negara ini. Di samping itu mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan setiap kali mereka memperbaharui Permit Lawatan Kerja Sementara.
- (ii) Persetujuan juga telah dicapai dengan Kerajaan Indonesia dan Bangladesh supaya hanya pekerja yang tidak mempunyai rekod-rekod jenayah sahaja yang dibenarkan untuk dihantar bekerja di negara ini.
- (iii) Kerajaan mensyaratkan majikan-majikan yang diluluskan mengambil pekerja asing supaya menyediakan tempat tinggal yang selesa bagi menentukan pekerja-pekerja ini akan dapat hidup dalam persekitaran yang boleh membentuk mereka mengamalkan penghidupan yang sihat. Majikan-majikan pula sentiasa diingatkan supaya memberi layanan yang sama dan saksama kepada pekerja-pekerja mereka, baik tempatan mahupun asing, melalui program-program riadah dan sukan, termasuk aktiviti-aktiviti keagamaan. Namun begitu, jika terdapat juga pekerja asing melanggar peraturan dan undang-undang di negara ini, maka kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menghantar mereka pulang dengan serta merta.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah yang dikatakan tidak banyak berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan, kerana setahu saya semenjak datangnya pendatang asing ke negara Malaysia, selepas itu timbullah kes AIDS, rogol sana sini, bunuh membunuh, anak tercampak ke tepi longkang. Ibarat kata kampung yang saya duduk berpuluh tahun tidak pernah kita berjumpa bayi yang baru lahir di tepi longkang, dalam Kampung Raja Uda pun sudah ada bayi - ini menunjukkan pendatang-pendatang haram yang datang dari luar negerilah yang banyak menimbulkan masalah. AIDS - kita tidak pernah dengar apa itu AIDS, sekarang AIDS sudah membiak, rogol pun begitu. Saya telah menjadi Adviser Mahkamah berpuluh tahun, hendak dengar kes rogol pun tidak ada, pada tahun 1980-an hari-hari ada kes rogol yang hendak pergi ke mahkamah. Macam mana itu?

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Kadir senyum sahaja.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebenarnya cerita macam ini rakan saya di belakang ini yang patut jawab - dia pakar, dia tahu semua ini.

Tuan Yang di-Pertua: Pakar rogol [*Ketawa*]. Minta maaf Dato', bergurau sahaja.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin kalau ikut dari segi pekerja yang datang secara sah memang kita telah pun membuat kawalan yang rapi - diperiksa betul-betul, ada certificate dan sebagainya. Masalah di negara kita ini banyak juga pendatang haram dan bila dia datang dengan cara haram memanglah banyak masalah yang kita tidak dapat kawal, tetapi tentang statistik yang berbagai-bagai itu, saya rasa mungkin ada pada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia tidak ada statistik sebegini.

Namun demikian, suka saya menyatakan untuk pekerja-pekerja yang datang secara halal, memang Jabatan Buruh, di Kementerian Sumber Manusia dia mempunyai berbagai-bagai peraturan untuk mengawal keadaan itu dan orang ini datang secara halal, maka dia lebih patuh pada disiplin dan sebagainya. Mungkin banyak masalah ini timbul daripada pekerja-pekerja yang datang secara yang tidak sah ke negara ini. Jadi, masalahnya adalah untuk mencari penyelesaian yang lebih berkesan bagaimana kita hendak menyekat kemasukan pekerja-pekerja cara haram itu dan juga lebih penting lagi bagaimana kita hendak mengurangkan pergantungan negara kita kepada pekerja-pekerja asing.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu adakah kementerian sedar bahawa ramai di antara pekerja-pekerja asing ini, walaupun datang secara halal tetapi mereka melibatkan diri dengan bekerja lebih masa (part-time) di disko-disko, kelab-kelab malam dan sebagainya dan mereka ini pernah ditangkap. Apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka kerja part time di luar daripada permit yang telah diberi - permit yang diberi itu biasanya kita khaskan dia ini pekerja kepada syarikat mana-mana dan kalau dia bekerja di luar bermakna dia melanggar undang-undang. Maka kalau mereka ditangkap, maka kita bukan sahaja akan menghukum mereka, iaitu mungkin kita akan menghantar mereka balik, tetapi kita juga akan, sedikit sebanyak, dalam kes-kes tertentu kita akan mendakwa majikan-majikan tertentu juga.

MESYUARAT ASEAN DAN ASEM DI BANGKOK - FAEDAH KEPADA MALAYSIA

9. **Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah-faedah yang diperolehi oleh Malaysia khususnya dan negara-negara ASEAN hasil pertemuan pemimpin-pemimpin ASEAN dan ASEM di Bangkok, Thailand pada 1hb. dan 2hb. Mac, 1996.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin maklumkan bahawa di antara faedah-faedah yang diperolehi oleh Malaysia khususnya, dan negara-negara ASEAN hasil pertemuan pemimpin-pemimpin ASEAN dan ASEM di Bangkok, Thailand pada 1hb. dan 2hb. Mac, 1996 ialah mesyuarat ini dianggap sebagai satu kejayaan dalam merapatkan lagi hubungan politik dan kerjasama ekonomi antara Asia dan Eropah selain dari memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah mengenali satu sama lain secara lebih rapat lagi.

ASEAN telah menghasilkan keputusan-keputusan yang konkrit, positif dan pragmatik. Dari segi kerjasama ekonomi mesyuarat ASEAN telah menekankan bahawa sebarang langkah integrasi dan kerjasama serantau seharusnya selari dengan dasar dan peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan bersifat terbuka. ASEAN juga bersetuju perkara utama dalam WTO sekarang ialah mencari jalan untuk melaksanakan komitmen yang telah dibuat dalam Perundingan Pusingan Uruguay.

Dari segi isu-isu politik dan keselamatan, Mesyuarat ASEM bersetuju bahawa dialog politik di antara Asia dan Eropah perlu dikukuhkan lagi berdasarkan kepada

prinsip sama rata, saling hormat-menghormati dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri negara-negara lain. ASEAN juga bersetuju mengenai pentingnya ditingkatkan inisiatif-inisiatif sejagat untuk mengawal dan menghapuskan senjata-senjata pembina masa (weapons of mass destruction).

Pemimpin-pemimpin ASEM juga telah mengulangi azam mereka untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan senjata nuklear dalam dunia secara sistematik dan progresif demi untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan sejagat.

Keempat, Mesyuarat ASEM telah menerima beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, antaranya ialah mengenai cadangan supaya tidak dikaitkan soal perdagangan dan pelaburan dengan perkara-perkara yang tidak ada kena mengena secara langsung dengan perdagangan dan pelaburan.

Mesyuarat juga telah menerima cadangan Malaysia mengenai pembinaan "trans Asia train" dari Singapura melalui Malaysia, Thailand, Lembah Mekong hingga ke Selatan China di mana Malaysia telah dilantik sebagai penyelaras untuk membuat kajian mengenai projek tersebut.

Satu lagi cadangan yang telah disambut baik ialah supaya negara-negara Eropah membuka universiti-universiti cawangan di negara Asia atau mewujudkan program berkembar dengan universiti-universiti Asia.

Selain itu, ASEM juga telah bersetuju mengambil tindakan susulan mengenai beberapa perkara termasuk penubuhan Pusat Teknologi Alam Sekitar Asia-Eropah di Thailand untuk menjalankan kajian dan kegiatan pembangunan.

Mesyuarat juga telah bersetuju forum perniagaan Asia-Eropah yang pertama akan diadakan di Perancis pada tahun 1996 bagi menentukan modeliti peningkatan kerjasama sektor perniagaan dan swasta di antara rantau.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa bagi Malaysia sendiri iaitu keuntungan yang paling ketara yang terdapat secara tidak langsung dalam perjumpaan pertama di antara Eropah dan Asian ini adalah satu pengiktirafan secara tidak langsung yang telah pun diberi kepada pengwujudan EAEC yang mana biasanya bila hendak mengadakan ada sahajalah negara-negara seperti Jepun, Korea yang tidak mahu menyertai, tetapi dengan adanya pertemuan ini, maka secara tidak langsung telah pun diberi pengiktirafan tentang kewujudan EAEC itu sendiri. Itulah salah satu kejayaan besar dan diperolehi dalam perjumpaan ini.

AKTA PERTUKARAN WANG ASING 1953 - BILANGAN DIDAKWA

10. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) sejak Akta Tukaran Asing 1953 beroperasi, berapa orangkah yang telah didakwa di bawah akta ini; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang menyemak semula dan memperketatkan akta ini selaras dengan perubahan yang sedang berlaku sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak Akta Pertukaran Wang Asing 1953 beroperasi, 8 orang telah didakwa di bawah akta ini. Walau bagaimanapun, Pengawal Pertukaran Wang Asing telah mengkompaun sebanyak 362 kes, iaitu sebanyak RM1,000 bagi tiap-tiap satu kes.

- (b) Pada masa sekarang, Bank Negara Malaysia sedang mengkaji semula akta tersebut dari segi hukuman untuk kesalahan-kesalahan yang terbabit.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Aliran wang keluar dari negara boleh dilakukan di dalam bentuk emas. Wang perolehan secara haram seperti pengedaran dadah dan sebagainya boleh dieksport dalam bentuk ini. Adakah pengeksportan emas masih dikawal di bawah akta ini, kalau tidak mengapa?

Tuan Yang di-Pertua: Itu ada kaitan ataupun tidak?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kaitan ya?

MAHKAMAH SYARIAH - PENUBUHAN DI PERINGKAT PUSAT

11. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan merancang untuk mengadakan Mahkamah Syariah Peringkat Persekutuan atau Mahkamah Agung berfungsi untuk:

- (a) menyelesaikan kes-kes Mahkamah Syariah yang tidak dapat diselesaikan di peringkat negeri; dan
- (b) menyelaraskan perbezaan hukuman yang dijatuhkan antara satu negeri dengan yang lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Oleh kerana itu, pada masa ini institusi Mahkamah Syariah hanya wujud di peringkat negeri sahaja.

Kerajaan menyedari akan wujudnya masalah banyak kes tertangguh dan perbezaan hukuman yang dijatuhkan antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Untuk itu, kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, Mahkamah Syariah dan Pusat Islam sebagai badan penyalaras sentiasa berusaha mencari jalan untuk menangani masalah-masalah tersebut melalui penyusunan semula Mahkamah Syariah, pertambahan kakitangan, kursus-kursus bagi meningkatkan kemahiran kerja dan menambahkan pengetahuan.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam apabila soalan yang lebih kurang sama ditanyakan, Pak Menteri kita berkata bahawa dia menunggu reaksi daripada rakyatlah untuk mewujudkan Mahkamah Federal Syariah ini. Saya ingin tahu dalam Perhimpunan Agung UMNO beberapa tahun yang lepas ini, pada tahun 1994, suara-suara untuk menubuhkan Mahkamah Syariah peringkat Federal ini telah disuarakan, yang menjawab Pak Menteri, memberi pengakuan yang sama akan diusahakan. Saya hendak tahu apakah usaha yang telah dijalankan, telahkah Pak Menteri kita ini berjumpa raja-raja untuk membincangkan perkara ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, hasrat ke arah menjadikan Mahkamah Syariah di peringkat pusat ini memang ada kepada kerajaan, tetapi tindakan-tindakan awal sahaja, setakat ini tindakan awal telah pun berjalan ke arah mencapai maksud itu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar makluman tadi daripada pihak kerajaan bahawa banyak kes dalam Mahkamah Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

Banyak kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah melibatkan masalah keluarga ataupun masalah perceraian dan masalah rumahtangga. Pegawai-pegawai

dalam Mahkamah Syariah kebanyakannya adalah terdiri daripada kaum lelaki. Saya dimaklumkan bahawa banyak wanita yang membawa kes-kes mereka ke Mahkamah Syariah tidak mendapat layanan dan juga tidak mendapat simpati yang saksama daripada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Adakah pihak kementerian sedar masalah ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah prejudis ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada prejudis. Apa yang berlaku dalam proses di Mahkamah Syariah ialah kita ada dua peringkat. Peringkat pertama ialah kaunseling. Jadi, apabila seseorang wanita datang mengadu hal, kita rujuk dahulu kepada kaunseling untuk mencari jalan supaya kes pengaduan itu dapat diselesaikan dengan aman supaya rumahtangga itu dapat dikekalkan, tidak berlaku perpecahan.

Tetapi apabila gagal di peringkat kaunseling, barulah kita bawa kepada peringkat mahkamah. Maka di peringkat kaunseling inilah yang dituduh bahawa mahkamah ini tidak begitu simpati kepada wanita atau prejudis. Sebenarnya, di peringkat kaunseling itu, bukan peringkat mahkamah tetapi di peringkat menyelesaikan pergaduhan rumahtangga. Kadang-kadang yang datang itu terlampau emosi, maka sebab itu kita cuba selesaikan di peringkat kaunseling.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah meluluskan Akta Keganasan Rumahtangga di mana kalau ada keganasan berlaku terhadap isteri atau kepada suami maka mulai 1hb. Jun ini pihak polis boleh menahan ataupun kes ini boleh dibawa kepada penyiasatan polis dan semasa penyiasatan polis itu kedua-dua suami isteri yang bergaduh itu dipisahkan buat sementara.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menambah lagi berkaitan dengan emosi. Macam mana kaum ibu tidak emosi mengadap di mahkamah, nafkah anak yang dia janji hendak beri, tidak usaha mata ratus, mata puluh ringgit sebulan tidak dibayar, tetapi dia mempunyai isteri yang lain. *[Ketawa]* Jadi, di sinilah yang sakit betul hati ibu-ibu yang mempunyai anak, bukan satu! Yang ada tu macam susun tangga, sampai tiga, empat orang, dengan tuition, dengan sekolah, manalah sempat hendak dibayar. Saya berharap sangat bagi kaum ibu, minta selesaikanlah. Dendakan kaum bapak ini yang mana tidak boleh bayar! *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat Menteri, itu bukan soalan, itu pandangan saya rasa. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Itu cadangan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

REMAJA MENINGGALKAN BANGKU SEKOLAH - CADANGAN KERAJAAN

12. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) adakah masalah remaja kebanyakan berlaku ketika remaja berkenaan meninggalkan bangku sekolah "drop-out" selepas Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau selepas mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- (b) adakah pihak kementerian bercadang mengadakan program khusus kepada belia-belia yang terlibat agar mereka dapat mengisi masa dengan aktiviti yang lebih berfaedah dan terancang. Adakah pihak kementerian mampu menyusun program dan mendedahkan mereka kepada dunia pekerjaan agar mereka dapat menghadapi realiti hidup di alam

peralihan (sebagai bukan pelajar sekolah) dan proses dewasa dapat berlaku dalam lengkongan yang terkawal dan terancang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) masalah remaja boleh berlaku di kedua-dua peringkat sama ada lepasan PMR (Tingkatan 3) ataupun lepasan SPM (Tingkatan 5). Mengikut unjuran kadar peralihan keluaran Kementerian Pendidikan pada tahun 1996, kadar peralihan daripada Tingkatan 3 ke Tingkatan 4 ialah sebanyak 89.63% dan kadar peralihan dari Tingkatan 5 ke Tingkatan 6 ialah sebanyak 15.2%. Ini bermakna sebanyak 10.37% tidak akan meneruskan pelajaran ke Tingkatan 4 dan sebanyak 84.8% tidak akan meneruskan pelajaran formal ke Tingkatan 6. Pelajar-pelajar lepasan Tingkatan 5 yang tidak ke Tingkatan 6 akan meneruskan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi, institusi latihan kemahiran ataupun memasuki pasaran pekerjaan.

Pada tahun 1995, seramai 311,680 orang pelajar telah mengambil PMR di sekolah bantuan penuh kerajaan dan semuanya berpeluang meneruskan pelajaran ke Tingkatan 4. Di peringkat peperiksaan SPM pula, seramai 192,729 orang telah mengambil peperiksaan dan 67.1% lulus dan layak mendapat sijil.

Berdasarkan kepada kajian lepak anjuran kementerian ini adalah didapati kecenderungan melepak adalah lebih tinggi di kalangan remaja berumur 16 hingga 18 tahun dengan saiz lepak 15.8 jam seminggu berbanding dengan 14.4 jam seminggu bagi remaja berumur 12 hingga 15 tahun. Sebahagian besar remaja melepak ini mengakui mereka mempunyai rakan sebaya yang terlibat dengan masalah sosial seperti dadah, minum minuman keras, menonton bahan lucah dan sebagainya.

Daripada petunjuk-petunjuk tersebut menggambarkan bahawa peratusan remaja yang tercicir di peringkat SPM adalah lebih tinggi kemungkinan terlibat dengan gejala negatif berbanding dengan remaja yang tercicir di peringkat PMR. Adalah dianggarkan kurang 4% sahaja di kedua-dua peringkat yang mungkin terlibat dengan masalah sosial di kalangan remaja.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan mengadakan pelbagai program yang terbuka kepada semua golongan belia khususnya kepada belia lepasan sekolah yang berumur 15 tahun ke atas. Belia-belie yang mempunyai masalah dan pernah terlibat dengan masalah sosial juga boleh menyertai program yang sesuai yang disediakan.

Sebanyak 7 program teras ke arah penyediaan, pembinaan dan pemantapan generasi belia di dalam pelbagai bidang di dalam usaha menangani permasalahan belia lepasan sekolah. Di antara program-program yang boleh disertai bagi golongan tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Program Pembinaan Sahsia;

- (ii) Program Pembangunan Kemahiran;
- (iii) Program Rakan Muda

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Program Pembinaan Sahsiah akan melahirkan belia yang beriman, bertakwa dan mengamalkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian.

Program Kemahiran akan mendedahkan para remaja dengan pelbagai aktiviti latihan kemahiran ke arah melahirkan para belia yang berdisiplin dan berkemahiran sebagai persediaan memenuhi realiti kehidupan dan memasuki pasaran pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah ringkaskan sedikit jawapan? Panjang sangat.

Dato' Loke Yuen Yow: Akan habis. Program Rakan Muda telah memasuki fasa kedua dengan penumpuan kepada pelbagai aktiviti khusus kepada golongan remaja di dalam usaha menangani permasalahan sosial di kalangan anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya Kementerian Belia dan Sukan berupaya menyediakan program-program di dalam menangani masalah remaja. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini perlu mendapat kerjasama semua pihak. Sesungguhnya peranan untuk membanteras gejala negatif di kalangan remaja adalah menjadi tanggungjawab bersama.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan belia ini merupakan aset negara yang sangat penting dan 60% daripada rakyat Malaysia ini terdiri daripada golongan muda. Tadi dalam laporan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan bahawa kebanyakan belia-belia ini adalah terlibat dalam golongan yang suka melepak, tidak ada kerja tetap dan kita tahu program di bawah kementerian biasanya melibatkan belia secara sukarela dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar, waktu tidak ada, kalau boleh terus kepada soalan ya?.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, ya, 'jam' lah! [*Memandang ke arah jam Dewan*] [*Ketawa*] Tetapi perkara ini penting, belia ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Kalau diizinkanlah....

Tuan Yang di-Pertua: Pasal Kementerian Belia dan Sukan, dia ada kecenderungan menjawab dengan panjang, kalau kita bertanya dengan panjang, makin panjang jawapannya. [*Ketawa*]

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Oleh sebab itu, soalnya Tuan Yang di-Pertua, apakah program kementerian ke arah membendung belia-belia ini supaya mereka terkawal daripada pengaruh Internet, terkawal daripada unsur-unsur yang tidak baik dan mereka ini menjadi tenaga kerja yang penting mengambil alih tempat tenaga pekerja luar.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kita tahu bahawa kebanyakan belia melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti melepak, bohsia dan sebagainya, jadi Kementerian Belia dan Sukan telah merancang beberapa program yang telah saya sebutkan tadi, ini telah memberi keberkesanan yang cukup untuk golongan-golongan belia yang pernah atau belum pernah lagi tetapi berpotensi melibatkan diri dalam aktiviti lepak. Dari segi Internet dan juga unsur-unsur lain, Kementerian Belia dan Sukan susah mengawal kerana ini satu negara yang bebas, mereka boleh melibatkan diri dalam unsur-unsur yang lain yang tidak sihat tetapi saya telah katakan bahawa apa yang Kementerian Belia dan Sukan boleh buat, kita akan buat, apa yang boleh kita rancang akan kita rancang. Ini

bukan sahaja tanggungjawab kementerian tetapi tanggungjawab semua pihak termasuk kerjasama ibu bapa, family environment dan juga siapakah kawan-kawan yang mereka bercampur. Ini adalah penting juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 29 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN

(PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

3.39 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, pindaan kali terakhir kepada bilangan kerusi Dewan Rakyat yang telah dibuat dalam tahun 1992 iaitu menerusi Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992, Akta A837. Melalui pindaan ini kerusi Dewan Rakyat telah ditambah sebanyak 12 kerusi menjadikan jumlah 192 kerusi.

Pada masa yang sama, Dewan-dewan Undangan Negeri, kecuali negeri-negeri Terengganu, Pulau Pinang dan Sabah telah meminda Perlembagaan Negeri masing-masing menjadikan jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri sebanyak 498 berbanding dengan 455 sebelum dari itu, iaitu tambahan sebanyak 43 kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 46 Perlembagaan yang dibentangkan pada hari ini adalah berikutan dengan satu urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya atau SPR.

Menurut Fasal (2), Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, SPR adalah bertanggungjawab untuk mengulangkaji dan mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri pada lat atau selang tempoh tidak kurang daripada 8 tahun, sesuai dengan kehendak peruntukan tersebut.

SPR telah menjalankan ulang kajian bagi pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak bermula pada 7hb. September 1995 dan urusan itu telah diselesaikan pada 6hb. Mac 1996 apabila laporan akhir dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kali terakhir SPR menjalankan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak ialah pada tahun 1987.

Tuan yang di-Pertua, pada masa ulang kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak pada tahun 1987, bilangan pemilih negeri Sarawak ialah seramai 607,232 orang. Sejak itu bilangan pemilih telah bertambah daripada setahun ke setahun. Mengikut daftar pemilih yang disahkan oleh SPR pada 9hb. Februari 1995, negeri Sarawak mempunyai

seramai 817,460 orang pemilih. Dengan penambahan ini bermakna bilangan pemilih bagi negeri Sarawak telah bertambah kira-kira 34.62%.

Dengan terdapatnya pertambahan jumlah bilangan pemilih yang besar itu, maka perlu juga dipertimbangkan soal pertambahan kepada bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan juga Negeri supaya beban pertambahan pemilih itu dapat dibahagikan semula mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Sungguhpun bagi negeri Sarawak, jumlah pemilih telah bertambah sebanyak 34.62% sejak tahun 1987, ini tidak bermakna bahawa jumlah bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen mahupun negeri harus juga bertambah mengikut pertambahan jumlah pemilih itu.

Jika ini dilakukan, maka akan berlaku suatu keadaan dalam mana akan terdapat terlampau ramai Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan keadaan ini akan membebankan kewangan negara dan juga negeri tanpa membawa faedah yang nyata.

Berikutan dengan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak, SPR telah mencadangkan penambahan satu kerusi Parlimen dan enam kerusi Dewan Undangan Negeri.

Ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa usul draf Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya bagi negeri Sarawak telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11hb. April 1996 dan telah diluluskan pada hari yang sama. Draf Perintah Persempadanan Bahagian-bagian Pilihan Raya itu seterusnya telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 17hb. April 1996.

Dalam hal ini juga, saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Perkara 46 Perlembagaan dengan tujuan untuk menambah satu kerusi Parlimen bagi negeri Sarawak telah pun saya bantangkan di Dewan Rakyat pada 25hb. April 1996 dan telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya dari negeri Sarawak tentu masih ingat pada bulan Oktober 1995, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meminda Fasal 2, Perkara 14, Perlembagaan Negeri. Pindaan ini memperlihatkan tambahan 6 kerusi Dewan Undangan Negeri di negeri Sarawak. Namun demikian, pindaan itu hanya akan berkuatkuasa setelah Perintah Persempadanan Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Sarawak yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dikuatkuasakan.

Jika pindaan kepada Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan ini diluluskan, maka jumlah kerusi Dewan Rakyat bagi seluruh negara akan menjadi 193. Sementara itu, apabila pindaan kepada Fasal 2, Perkara 14, Perlembagaan Negeri Sarawak berkuatkuasa, maka jumlah keseluruhan kerusi Dewan Undangan Negeri bagi seluruh negara akan menjadi 504.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan-keterangan yang saya berikan, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak akan ragu-ragu, bahkan akan memberikan sokongan sepenuhnya atas cadangan meminda Perkara 46 Perlembagaan bagi menambah 1 kerusi Dewan Rakyat untuk negeri Sarawak menjadikan jumlah kerusi Dewan Rakyat untuk negeri Sarawak sebanyak 28 dan 193 untuk seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut

peruntukan Fasal 3, Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang.....oh ya, saya seolah-olah terasa tidak ada perbahasan.

Saya buka untuk dibahaskan. Sila, orang daripada Sarawak. Orang 'Ulu' dari Sarawak.

3.46 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar saya dari orang 'Ulu'.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Ding Seling pun banyak kali mengaku begitu. Sila.

Tuan Ding Seling: Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan penuh atas tujuan untuk meminda Akta Perlembagaan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga tahniah kepada pihak Election Commission, dengan izin, kerana telah berusaha untuk membuat ujian semula mengenai constituency di Sarawak dan telah menambah satu lagi kerusi untuk Sarawak di Dewan Rakyat.

Sehubungan dengan ini, saya ingin bercakap sedikit mengenai pemilih-pemilih di Sarawak. Walaupun tujuan ini adalah begitu baik dan kita sokong penuh, saya bagi diri orang Ulu dan diri sendiri menyokong penuh tambahan ini, tetapi bagi pihak pemilih, ada banyak lagi perkara yang harus kita perkatakan.

Yang Berhormat Menteri telah mengatakan tadi, pertambahan 34.6% yang dilihat pada 19hb. Februari 1995 dahulu kalau dibanding dengan yang sebelum itu, saya rasa tidaklah begitu tepat. Kalau saya boleh katakan, tambahan ini haruslah kalau semua dihitungkan, tidak kurang dari 40%. Mungkin Yang Berhormat Menteri sedar kenapa saya bercakap begitu.

Sebabnya ialah, bagi penduduk luar bandar di Sarawak, ramai lagi yang belum mempunyai kad pengenalan. Saya tidak bercakap begini oleh kerana saya hendak bercakap perkara yang bukan-bukan, tetapi sebenarnya saya sendiri telah berjumpa ramai mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan dan umur mereka adalah di antara 21 sehingga 50 tahun lebih iaitu dari muda-muda sehinggalah orang-orang yang bercucu, menjadi nenek atau datuk.

Mereka ini tidak mempunyai kad pengenalan dalam erti kata yang lain, dalam kehendak Perlembagaan (Constitution) kita, misalnya dalam artikel 31, mereka tidaklah menjadi rakyat Malaysia yang sah. Jadi, dalam perkara ini saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya mereka yang belum mempunyai kad pengenalan itu boleh didaftarkan secepat mungkin supaya mereka boleh menjadi pemilih untuk dengan izin, exercise their democratic rights in our democratic government. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya kurang sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin.

Tuan Ding Seling: Bukan hendak menangis ya. Mungkin perasaan hendak menangis kerana ada orang yang belum jadi pemilih walaupun sudah tua.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan. Saya tahu bahawa pihak Jabatan Pendaftaran Negara khususnya Jabatan Pendaftaran Negara di Kuching, Sarawak telah berusaha dengan begitu gigih. Saya pun telah beberapa kali dahulu saya telah lihat laporan, telah lihat sendiri. Bukan pegawai lelaki sahaja pergi ke kawasan-kawasan pedalaman tetapi pegawai perempuan juga pergi. Bukan perempuan Orang Ulu ataupun orang tempatan, Orang Dayak, orang Melayu dan orang Cina pun ada pergi juga dahulu. Ini bermakna mereka berusaha. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada mereka yang berusaha terutamanya pihak jabatan dan pihak kementerian juga. Tetapi usaha mereka setakat ini belum cukup. Masih lagi ada orang yang belum mendapat kad pengenalan, belum lagi didaftarkan, maka

memperbanyakkan kerusi ini bagi mereka tidak bermakna langsung ataupun tidak ada erti kepada mereka. Jadi, bagi pihak mereka itu saya membuat rayuan supaya pihak kerajaan membuat usaha lebih gigih lagi dan saya di sini ingin cadangkan oleh kerana kita ini sekarang adalah dalam keadaan damai dan tidak ada musuh dari luar yang kita tahu akan mengancam keselamatan kita. Maka, saya mencadangkan kita menggunakan pihak polis ataupun pihak armed forces. Bagaimana kata Yang Berhormat Menteri? Dengan itu....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini permintaan laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedikit keliru tentang sebutan "terdapat rakyat-rakyat Malaysia yang tidak ada kad." Adakah kad ini dimaksudkan IC dan...

Tuan Yang di-Pertua: Kad apa lagi?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dan saya ingin mendapat penjelasan apakah sebabnya atau di mana silapnya yang begitu ramai rakyat Malaysia khususnya yang tinggal di Sarawak yang tidak mempunyai kad dan adakah Yang Berhormat ada kad? *[Ketawa]*

Tuan Ding Seling: Untuk menjawab soalan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai kad pengenalan. *[Mengeluar dan menunjukkan kad pengenalannya]* Ini dia! Ini kedua kali saya tunjuk di dalam Dewan yang mulia ini. Sekali dulu saya tunjukkan kerana sudah rosak sedikit tetapi dalam keadaan bagus.

Yang kedua, saya ingin memberi penjelasan kad maksud saya ialah kad pengenalan. Maksud saya itu ialah mereka yang ramai di luar bandar belum lagi mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran. Okay!

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya cadangkan kita gunakan pihak-pihak seperti kakitangan armed forces untuk membantu Jabatan Pendaftaran untuk pergi ke tempat-tempat pedalaman dengan segera untuk mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan sehingga kita boleh menguruskan dan mendaftarkan mereka yang belum lagi mempunyai kad pengenalan itu.

Saya sedar bahawa satu daripada kekhawatiran pihak pendaftaran untuk mendaftarkan, memproseskan permohonan kad pengenalan ini ialah mereka takut bahawa ada orang-orang tua ataupun orang-orang dewasa ini adalah orang luar, pendatang haram seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri semasa menjawab soalan tadi. Kemungkinan mereka ini pendatang haram kerana seperti kita maklum boundary Sarawak dengan Indonesia adalah begitu panjang. Maka, mudah sekali bagi orang-orang dari sebelah sana yang sebenarnya orang yang sama dahulu tetapi sekarang ini telah dibelah bahagi oleh kerana sejarah politik kita, dan mudah bagi mereka datang, cross the border, dengan izin dan bercampur dengan orang-orang tempatan. Jadi, ini juga satu perkara yang saya ingin nyatakan sebagai satu sebab kenapa kita harus mendaftarkan orang-orang yang tulen, orang Malaysia yang dilahirkan di sini, ada yang sebelum Malaysia, ada yang selepas Malaysia tetapi kedua-dua ibu bapa adalah orang Malaysia tetapi sehingga sekarang belum ada kad pengenalan lagi. Jadi, inilah satu sebabnya kenapa kita harus mendaftarkan mereka, supaya ada perbezaannya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu mendapat satu laporan daripada seorang pegawai polis yang pergi ke hulu dengan mengikut pegawai pendaftaran dari Pejabat Pendaftaran Negeri Sarawak yang mengatakan apabila mereka pergi ke tempat orang Penan dan memproseskan permohonan mereka, seringkali yang memohon tadi pergi merujuk ke tempat-tempat yang tertentu. Oleh kerana tempat itu adalah di hutan, bukan di pejabat, maka pegawai yang memproseskan tadi tidak dapat ikut ke mana ataupun apa sebabnya orang yang memohon tadi seringkali apabila satu soalan yang tidak dapat dijawabnya minta maaf sekejap, saya keluar. Bukan macam keluar dari

Dewan ini. Dia keluar, pergi sekejap dan balik lagi, adalah jawabannya. Jadi, dari kesimpulan mereka apabila ditanya kenapa anda sering keluar apabila tidak dapat menjawab dan balik boleh menjawab. Mungkin ada mentor di belakang sana. Nampaknya begitulah dan dari laporan pegawai polis tadi apabila disiasat lebih lanjut, didapati ada juga orang yang mempunyai pandangan yang lebih luas daripada itu yang mengharapkan mereka tidak memberikan jawapan yang tidak begitu lengkap supaya permohonan mereka untuk mendapat kad pengenalan boleh diproseskan supaya mereka boleh mendapatkan kad pengenalan tadi.

Jadi, ini satu kes, satu isu di mana mungkin ada pendatang-pendatang haram dari luar negeri yang mungkin hendak bercampur gaul dengan orang-orang kita di luar bandar dan sekiranya mereka yang di luar bandar ini tidak mempunyai kad pengenalan juga, maka mudah bagi mereka yang datang haram itu untuk bercampur gaul di sana kerana kita tidak boleh membezakan mereka dari satu sama lain.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak authority kurang yakin untuk membezakan siapa dia orang tempatan, misalnya orang Ulu ya, kaum sayakah atau kaum-kaum yang lain, membezakan orang Ulu dari sini, kaum Kenyah iaitu kaum saya dengan kaum Kenyah yang datang dari sana; saya ingin mencadangkan supaya kita melibatkan orang tempatan. Orang seperti Ketua Kaum, Ketua Kampung, Penghulu tempatan termasuk juga saya sendiri Tuan Yang di-Pertua. Kerana saya boleh dan kita dari sini boleh membezakan siapa dia yang dari luar, siapa orang tempatan. Ini akan memberi satu keyakinan kepada pegawai-pegawai pendaftaran kita bahawa mereka tidak mendaftarkan orang luar.

Saya rasa permasalahan yang remeh-temeh seperti ini adalah satu-satunya yang menyebabkan kerja mereka menjadi begitu susah. Jadi, apa yang saya cadangkan tadi ialah apabila kita menggunakan selain dari kakitangan atau tenaga manusia yang lain daripada pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran, seperti tentera, maka kita boleh libatkan orang tempatan, supaya menjadi penasihat untuk membezakan siapa dia orang asing dan siapa dia orang tempatan. Saya yakin kalau kita menggunakan pemimpin tempatan mereka tidak akan memberi maklumat yang tidak tepat kepada kita. Mungkin pihak atasan juga dapat memikirkan 'Oh! orang di hulu-hulu mungkin dia hendak bawa saudaranya dari sebelah sana'. Saya fikir tidaklah sampai begitu, saya boleh memberi kepercayaan kepada mereka. Ini juga adalah satu solution yang saya ingin cadangkan supaya orang Penan yang masih lagi ramai belum mempunyai kad pengenalan bolehlah didaftarkan dan apabila mempunyai kad pengenalan mereka boleh menjadi pengundi.

Saya boleh memberi angka atau bilangan mereka sekarang ialah lebih kurang 10,000 orang Penan, tetapi bilangan yang boleh mengundi saya dimaklumkan oleh pegawai-pegawai tempatan tidak melebihi 3,000 orang itupun yang mempunyai nombor kad pengenalan 00.... jadi, saya ingat angka itu bolehlah sekurang-kurangnya melebihi 4,000. Walaupun orang Penan mungkin kesemuanya muda-muda lagi, usia mereka kurang dari 21 tahun, belum lagi layak untuk menjadi pengundi, tetapi saya rasa bukanlah lebih dari 10,000.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia angka 00....?

Tuan Ding Seling: Ini adalah satu perkara yang saya tidak tahu hendak jelaskan, Tuan Yang di-Pertua. Ada kad pengenalan yang dikeluarkan dahulu, ini adalah kad pengenalan yang sah. Oleh kerana sebab-sebab yang tertentu maka bilangan angka pengenalannya tidak diberi nombor.....

Tuan Yang di-Pertua: 00....

Tuan Ding Seling: Diberi 00..... semua.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa kaum Dayak yang tinggal di tempat-tempat pedalaman ramai juga yang belum ada kad

pengenal. Saya telah sebut tadi orang yang berumur lebih 50 tahun iaitu rakan sebaya saya sendiri, saya kenal orangnya, tetapi tidak mempunyai kad pengenalan. Oleh kerana mereka tidak ada kad pengenalan, bukan sahaja tidak boleh mendaftar menjadi pengundi, bukan sahaja tidak boleh menjadi pengundi, mereka juga tiak boleh menikmati facilities kerajaan seperti kemudahan hospital, kerana kalau kita masuk ke hospital kita memerlukan kad pengenalan. Inilah di antara perkara-perkaranya yang saya ingin menyeru kerajaan supaya memikirkan proses pendemokrasian negara kita ini untuk merangkumi dan untuk menentukan perkhidmatan-perkhidmatan Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk melengkapkan perkhidmatan mereka bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan yang begitu sempurna kepada rakyat.

Saya juga ingin menyeru supaya tiap-tiap individu diberi juga hak mereka untuk memilih melalui pendaftaran dan memberi mereka kad pengenalan dan seterusnya mendaftarkan mereka untuk menjadi pemilih. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyatakan sokongan saya di atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Zaleha binti Husin.

4.06 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong suatu Akta mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996.

Sebelum itu saya ingin menyatakan beberapa perkara iaitu pertamanya mengenai apabila berlaku sahaja pindaan persempadanan 8 tahun sekali yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri, maka apa yang kita lihat ialah masalah perpindahan pengundi kepada sesuatu kawasan yang telah pun wujud perubahan persempadanan.

Pemindahan pengundi ini didapati dalam keadaan yang tidak dapat dibendung, kerana setengah-setengah tempat itu kelihatan yang mana pengundinya begitu ramai, sedangkan kita lihat keadaan penduduknya tidaklah seramai yang sepatutnya pendaftaran pengundi yang berlaku. Apabila berlaku perpindahan pengundi ini, kadang-kadang apa yang menyedihkan ialah orang berkenaan tidak mengetahui bahawa mereka sendiri sudah berpindah pengundian mereka ke tempat atau ke peti-peti undi yang lain.

Yang paling ketara sekali ialah apabila diadakan satu perbincangan mengenai seseorang pemilih yang namanya ada kedapatan dalam peti undi tersebut, tetapi apabila pihak SPR menghantar surat-surat sebagai surat bantahan dan sebagainya kepada mereka yang terlibat. Apabila perbincangan hendak dilakukan, malangnya orang-orang berkenaan langsung tidak mengetahui tentang perbincangan tersebut. Jadi, saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mewujudkan suatu sistem yang lebih teratur dalam soal-soal pengawalan perpindahan pengundi kepada sesuatu peti-peti undi. Keadaan ini berleluasa berlaku apabila keluarnya ataupun apabila diisytiharkan pendaftaran pengundi-pengundi di seluruh negara.

Yang kedua, saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan daripada pihak kementerian mengapakah Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini tidak diselaraskan bersama-sama dengan pindaan Perlembagaan yang pernah ataupun yang telah kita lakukan pada masa baru-baru ini dan apakah masalah-masalah yang menyebabkan penyelarasan itu tidak dapat dilakukan keseluruhan negara supaya ianya tidak berlaku, perbincangan kita hanyalah sentiasa di sekitar keadaan yang sama.

Yang ketiga, saya ingin memberi pandangan kepada pihak kementerian bahawa setiap pegawai SPR yang terlibat secara langsung mengendalikan kawasan-kawasan pilihan raya sama ada yang bertugas sebagai pegawai SPR, yang dipinjamkan ataupun yang dilantik sebagai pegawai pilihan raya di masa pilihan raya, mereka ini hendaklah bersikap melakukan keadilan terutama tidak menunjukkan sikap-sikap

negatif terhadap orang ramai yang menimbulkan kekeliruan dan hilang kepercayaan, setengah-setengah daripada sikap pegawai-pegawai SPR di beberapa tempat yang dapat dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dua-tiga perkara yang hendak saya sentuh dalam menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yim Chee Chong: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yim Chee Chong, tunggu sebentar ya.

Tuan Yim Chee Chong: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh teruskan, sedikit lagi, bukan saya tidak beri bercakap, tetapi saya hendak panggil pengganti sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat menurut Peraturan 16(3) saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan Tuan Yim Chee Chong.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berdiri untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada pengundi-pengundi bertambah ramai dari semasa ke semasa, pada hari ini kita cadangkan menambahkan satu kerusi di Sarawak pada hemat saya adalah adil. Meminda Perlembagaan adalah seusai dengan keadaan dari semasa ke semasa. Ini adalah menunjukkan keadilan kerajaan kepada semua negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak, nampaknya hampir semua sokong Barisan Nasional. Kalau tidak salah Barisan Nasional sapu semua kerusi. DAP satu pun tidak ada. Bukan sahaja satu kerusi pun tak menang, bahkan juga deposit pun hilang. Kalau sekiranya tanpa satu kerusi di Sarawak, ini adalah bermakna Barisan Nasional akan tambah satu kerusi lagi di Parlimen yang mulia. Bermakna juga kita akan tambah seorang kawan, satu muka baru di Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menambahkan kekuatan Kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Sembilan, saya ingin memperingatkan kepada SPR bahawa di Negeri Sembilan hampir 20 tahun lamanya belum tambah satu kerusi Parlimen, sungguhpun bilangan penduduk bertambah, pengundi-pengundi tambah dari semasa ke semasa. Tetapi selama 20 tahun kalau tidak salah tidak ada tambah satu kerusi. Setakat ini ada 7 kerusi Parlimen di Negeri Sembilan. Oleh kerana berdasarkan kepada prinsip yang adil dan saksama, saya memohon kepada pihak berkuasa yang berkenaan supaya dapat meminda Perlembagaan sekali lagi untuk Negeri Sembilan. Pada hari ini, 7 kerusi Parlimen. Saya minta tambah satu lagi, jadi 8. Orang Cina suka nombor 8 - 'fatt', bermakna 'keuntungan'. [*Ketawa*] Untung ketawa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita meminda satu akta untuk meminda Perlembagaan menambahkan satu kerusi lagi di Sarawak. Adalah sikap kerajaan menghormati hasrat rakyat Sarawak. Oleh sebab itu saya menyokong penuh pindaan Perlembagaan negara kita yang dikemukakan di Dewan yang mulia pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Menteri diminta untuk menjawab.

4.13 ptg.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Husin dan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Cheong yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri selaku Senator di dalam Dewan ini adalah agak sukar untuk diatasi. Oleh kerana sebelum menjadi seorang pengundi, pada tahun mengundi mesti ada kad pengenalan. Untuk mendapat kad pengenalan mesti ada surat beranak atau 'birth certificate', dengan izin. Kalau tidak ada birth certificate, tak dapat IC. Bukan sahaja masalah ini berlaku di kalangan orang Penan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Bahkan dua bulan dahulu saya melawat Ba' Kelalan, Marudi dan Rajang, dan saya dapati kaum-kaum Iban, kaum Orang Ulu Yang Berhormat sendiri seperti Kelabit, Kenyah, Kayan menghadapi masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Jadi, kerajaan iaitu Jabatan Pendaftaran memang memahami masalah ini dan telah diberitahu oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan untuk menjalankan pendaftaran surat beranak atau birth certificate di seluruh negeri Sarawak. Ini memakan masa. Cadangan Yang Berhormat untuk meminta tentera atau polis mengambil tugas pegawai-pegawai pendaftaran itu, satu cadangan yang bijak. Tetapi yang saya khuatiri askar-askar kita dan juga pihak polis tidak mahir, tidak dilatih menjalankan tugas begitu. Kita berharap jikalau mereka diberi satu kursus yang tertentu dan boleh menolong Jabatan Pendaftaran pergi ke pedalaman negeri Sarawak, insya-Allah saya fikir cadangan ini nanti boleh dijalankan.

Tetapi sebelum ini, dari segi undang-undang pun seperti Yang Berhormat sedia maklum, jikalau seorang hendak mendaftar surat beranak atau birth certificate, jikalau ketua-ketua kaum atau penghulu di satu kawasan itu kenal dari segi peribadi. Misal kata 30 tahun yang lalu, 40 tahun yang lalu beliau telah menjadi Tua kampung di rumah panjang itu ataupun di kawasan itu, beliau boleh membuat satu surat pengakuan untuk applicant itu, pergi ke Jabatan Pendaftaran. Dengan itu, surat pengakuan itu dan juga disokong oleh Yang Berhormat sebagai seorang Senator, insya-Allah Jabatan Pendaftaran akan mengakui kesahihan ataupun authenticity dokumen seperti itu untuk mengeluarkan surat beranak. Dengan adanya birth certificate, maka masalah kad pengenalan tidak akan - is not an issue any more, dengan izin.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat selaku Senator akan memberi kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran di kawasan Yang Berhormat untuk mendaftar bukan sahaja orang Penan - yang saya jumpa pada masa itu iaitu semasa berada di Ba' Kelalan dan Marudi, iaitu orang Iban dan juga Orang-orang Ulu seperti Kelabit, Kenyah, Kayan yang belum mempunyai surat beranak. Dengan tidak adanya surat beranak, tidak ada IC bukan sahaja anak-anak tak dapat masuk ke sekolah, bahkan kemudahan-kemudahan lain sebagai seorang warganegara Malaysia tidak akan dimanfaatkan oleh orang seperti itu.

Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha berkenaan dengan pemindahan pengundi-pengundi ini, SPR telah membuat satu peraturan yang baru, di mana kalau kita hendak meminda tempat mengundi, pengundi itu sendiri mesti pergi ke pejabat mengisi form tertentu, dan dengan itu barulah sah tempat hendak bertukar mengundi itu. Tindakan boleh diambil oleh SPR sendiri. Seperti dahulu pilihan raya yang lalu, apa yang berlaku selalu ialah seorang boleh pergi ke Pejabat SPR dan mendaftarkan bahawa 100 atau 1,000 pengundi-pengundi di tempat tertentu minta pindah ke tempat lain.

Seperti kata Yang Berhormat Senator tadi, kadang-kadang kita sebagai pengundi tidak tahu bahawa kita sudah dipindah oleh orang lain ke tempat yang lain.

Ini pada masa akan datang tidak akan berlaku lagi oleh kerana kerajaan dan pihak SPR telah mengambil tindakan yang tegas berkenaan perkara ini.

Yang Berhormat Senator Yim telah meminta bahawa Negeri Sembilan sudah 20 tahun belum bertambah - 7 kerusi. Tuan Yang di-Pertua, masalah tambahan kerusi, perkara-perkara yang mesti diperhitungkan oleh SPR bukan hanya dari segi bilangan penduduk. Bahkan banyak perkara yang lain mesti diambil kira baru sebuah negeri itu dapat tambah kerusi dari segi Dewan Undangan Negerinya ataupun dari segi kerusi Parlimennya.

Berkenaan negeri Sarawak bukan hanya sudah ada bertambah, kalau tidak silap saya 34.62% ataupun pada tahun 1987 bilangan pengundi 607,232 orang dan pada tahun 1995, 817,460 orang pengundi didaftar, bermakna ada pertambahan. Itu bukan sahaja satu faktor yang diambil kira oleh SPR, perkara-perkara lain mesti diambil kira dari segi saiz negeri (keluasan kawasan), maka tidak adil kalau seorang Wakil Rakyat (MP) menjaga misal kata setengah negeri Perak saiznya. Macam Yang Berhormat sendiri, kawasan di Ulu Baram itu boleh dikatakan di antara negeri Perak bertambah dengan memasukkan Pulau Pinang - kemungkinan saiz kawasan MP Baram. Jadi, ini tidak adil dan kita terpaksa memberi saiz di mana MP menjaga pengundi-pengundi yang berpatutan supaya dia dapat menjalankan tugasnya sebagai seorang Wakil Rakyat dengan licin dan memberi khidmat yang bermakna kepada pengundi-pengundi yang ada di dalam kawasan tersebut.

Jadi, Yang Berhormat Senator Yim jangan putus hati, bahkan kemungkinan besar bahawa kajian boundary yang akan datang Negeri Sembilan boleh jadi mendapat satu ataupun dua kerusi - kita tidak tahu dari segi faktor-faktor lain yang akan diambil kira. *[Ketawa]*

Senator Puan Hajah Zaleha juga minta penjelasan fasal apa negeri Sarawak yang datang pada hari ini tidak bersama-sama dengan negeri-negeri di Malaysia yang lain apabila kita membincangkan masalah election boundary yang lalu. Sebenarnya seperti yang saya sebutkan dalam ucapan awal saya, SPR membuat kajian ini tiap-tiap 8 tahun. Bermakna negeri Sarawak 8 tahun yang lalu sudah dibuat satu kajian dan sekarang ini kita kemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk meluluskan pertambahan kerusi untuk Dewan Negeri Sarawak - enam.

Untuk negeri-negeri yang lain, mereka telah membuat kajian awal kepada Sarawak. Jadi, kita tidak dapat samakan negeri Sarawak yang kebelakangan ini di bawah ke hadapan, oleh kerana peruntukan Perlembagaan yang menghendaki kita mengadakan kajian tiap-tiap 8 tahun. Itulah sahaja alasan mengapa Sarawak berlainan daripada negeri-negeri yang lain di Malaysia ini.

Dengan itu, itulah sahaja point-point yang dapat saya huraikan daripada Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini. Dengan itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut Peruntukan Fasal 3, Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan undi belah bahagian.

Tan Sri Dato' G. Vadiveloo a/l Govindasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana telah ada permintaan untuk belah bahagian, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(4) saya minta tidak kurang dari lapan orang Ahli bangun.

[Lebih dari 8 orang Ahli bangun]

Tuan Ding Seling: Saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 1 hingga 2 minit.

[Loceng dibunyikan]

Dewan berbelahbahagi

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, penghitung-penghitung undi sila ambil tempat di hadapan blok masing-masing.

Pengundian dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya:

Ahli-ahli Yang Bersetuju ialah 50; *[Tepuk]*

Yang Tidak Bersetuju - Tiada;

Yang Tidak Mengundi - Tiada.

Jadi, lebih dua pertiga undi yang bersetuju. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1996 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau ber-kaitan dengannya telah ditimbulkan dalam Jawatankuasa dan telah diper-setujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang. Dan oleh sebab

mengikuti Peruntukan Fasal 3, Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1996 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dipinta Undi Belahbahagi.

Tan Sri Dato' G. Vadiveloo: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ada cadangan berbelahbahagi, diharap 8 orang Ahli bangun terlebih dahulu untuk menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun berpuas hati, lebih dari 8 Ahli bangun. Setiausaha, sila bunyikan loceng sebagai isyarat kira-kira dalam setengah minit.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Penghitung Undi, sila ambil tempat di hadapan blok masing-masing.

Pengundian dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya. Ahli-ahli yang bersetuju ialah 50 orang, yang tidak bersetuju tiada dan yang tidak mengundi pun tiada. Jadi lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YANG BERSETUJU

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995) (NO. 2) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

4.49 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Tunggu sekejap Yang Berhormat. Saya hendak minta Pengerusi baru. Ahli-ahli Yang Berhormat menurut Peraturan Mesyuarat 6(3) sekali lagi saya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

Tuan Ding Seling: Sila.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM14,893,839,294.00 dikeluarkan daripada

Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual kepada Rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1995 adalah berjumlah Ringgit Malaysia lima belas bilion tiga ratus lapan puluh enam juta, satu ratus empat puluh empat ribu, sembilan ratus lapan puluh empat (RM15,386,144,984.00). Daripada jumlah ini, sebanyak Ringgit Malaysia empat belas bilion lapan ratus sembilan puluh tiga juta lapan ratus tiga puluh sembilan ribu dua ratus sembilan puluh empat (RM14,893,839,294.00) diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini manakala bakinya sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh dua juta tiga ratus lima ribu enam ratus sembilan puluh (RM492,305,690.00) adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Sebanyak RM14 bilion di bawah Maksud B.30 - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan. Tindakan ini hanya merupakan pindahan antara akaun sahaja iaitu dari akaun hasil disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Tambahan sebanyak RM310.5 juta di bawah maksud B.26 - Kementerian Pendidikan yang mana sebanyak RM249.5 juta untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995 dan sebanyak RM61 juta sebagai pemberian kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk Perbelanjaan Mengurus 1995.

Pecahan tambahan mengikut IPT adalah seperti berikut:

- (i) Universiti Kebangsaan Malaysia sebanyak RM6 juta;
- (ii) Universiti Sains Malaysia sebanyak RM0.9 juta;
- (iii) Universiti Teknologi Malaysia sebanyak RM2 juta;
- (iv) Universiti Utara Malaysia sebanyak RM8.1 juta;
- (v) Universiti Islam Antarabangsa sebanyak RM11.1 juta;
- (vi) Universiti Malaysia Sarawak sebanyak RM2.5 juta; dan
- (vii) Institut Teknologi MARA sebanyak RM30.4 juta.

Tambahan sebanyak RM206.6 juta di bawah Maksud B.36 - Polis Diraja Malaysia untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM135.7 juta di bawah Maksud B.29 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM53.7 juta untuk membayar balik sebahagian daripada perbelanjaan mengurus bagi beberapa perkhidmatan di bawah senarai bersama Perlembagaan yang telah dibelanjakan olen negeri-negeri;
- (ii) sebanyak RM30 juta untuk membiayai kos berkaitan dengan penswastaaan kereta-kereta saloon Kerajaan Persekutuan;
- (iii) sebanyak RM38.4 juta untuk membiayai subsidi bahan-bahan petroleum;
- (iv) sebanyak RM9.1 juta untuk menampung bayaran kerugian pertukaran mata wang asing bagi pinjaman ASEAN Japan Development Fund;

- (v) sebanyak RM2.4 juta untuk membiayai bayaran balik caruman pencen yang telah dibuat oleh Bank Simpanan Nasional yang telah diasingkan daripada Sistem Saraan Sektor Awam bagi membolehkannya membuat caruman kebelakangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- (vi) sebanyak RM2.1 juta untuk pemberian kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi kos penyelenggaraan jalan raya tahun 1995.

Tambahan sebanyak RM99.7 juta di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM78.2 juta untuk bayaran imbuhan kakitangan awam 1995;
- (ii) sebanyak RM20 juta sebagai sumbangan kerajaan kepada Majlis Kanser Nasional (MAKNA);
- (iii) sebanyak RM1.5 juta sebagai sumbangan kerajaan kepada Pusat Haemodialisis Mawar, Negeri Sembilan.

Tambahan sebanyak RM81.6 juta di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan untuk membiayai imbuhan kakitangan awam 1995, perbelanjaan Anggota Tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina dan peralatan bagi anggota Tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah I-FOR-NATO di Bosnia- Herzegovina.

Tambahan sebanyak RM10.6 juta di bawah Maksud B.31 - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995, sewaan ruang pejabat, kos penyelenggaraan peralatan Sistem Maklumat Kastam, mesin pejabat, kenderaan jabatan, rumah kediaman kakitangan, bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan, mencuci pejabat dan tuntutan arahan pertukaran.

Tambahan sebanyak RM9.3 juta di bawah Maksud B.53 - Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995 bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan perbelanjaan bagi menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan Malaysia/Indonesia.

Tambahan sebanyak RM9.2 juta di bawah Maksud B.54 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995 bagi Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dan Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Getah (RISDA).

Tambahan sebanyak RM9 juta di bawah Maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai aktiviti-aktiviti promosi pelancongan di Jepun, sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada muzium-muzium negeri dan perbelanjaan bagi bekalan pejabat.

Tambahan sebanyak RM4.9 juta di bawah Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.40 - Jabatan Penjara untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM3.2 juta di bawah Maksud B.37 - Jabatan Imigresen untuk membiayai bayaran emolumen, pelarasan elaun seberang laut dan sewaan ruang pejabat baru cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tambahan sebanyak RM3.2 juta di bawah Maksud B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM2.3 juta di bawah Maksud B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM2.1 juta di bawah Maksud B.28 - Perbendaharaan untuk membiayai kontrak perkhidmatan juruperunding berhubung dengan pembelian pesawat F/A - 18D.

Tambahan yang lain sebanyak Ringgit Malaysia dua juta enam ratus dua puluh dua ribu, tujuh ratus sembilan belas (RM2,622,719) adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.5 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.10 - Jabatan Peguam Negara, B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, B.15 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, B.23 - Jabatan Arkib Negara dan B.24 - Jabatan Muzium dan Antikuiti.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1995 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

4.57 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong suatu akta yang bernama Akta Perbekalan Tambahan 1996.

Dalam memberi sokongan ini, saya akan menyentuh hanya dalam dua perkara iaitu mengenai Maksud B.54 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang bernilai RM9.1 juta yang melibatkan FELCRA, pekebun-pekebun kecil RISDA dan sebagainya.

Kita harus ingat, ramalan pembangunan luar bandar menjelang 2020 memang perlu mengambil kira dasar-dasar pembangunan negara yang sedia ada seperti Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Pertanian Negara serta hasrat Wawasan 2020.

Terdapat pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar dalam pelbagai aspek dan kemudahan seperti pendidikan, kesihatan, pertanian dan kemudahan infrastruktur. Oleh itu, saya mengharapkan satu dimensi penting pembangunan seimbang untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi yang wujud antara wilayah, negeri dan juga antara kawasan bandar dan luar bandar.

Apa yang difahamkan, kawasan luar bandar ini adalah ditakrifkan sebagai kawasan yang mempunyai penduduk kurang dari 10,000 orang dan kita juga merasakan jumlah penduduk luar bandar telah berkurangan akibat kadar perbandaran yang terus meningkat.

Saya juga mencadangkan untuk mempercepatkan penyebaran industri serta pertumbuhan dan pembangunan kawasan luar bandar, infrastruktur telekomunikasi di kawasan berkenaan hendaklah terus diperluaskan lagi. Transformasi luar bandar meliputi penyusunan semula kampung-kampung untuk menjadikan lebih kompetitif.

Saya berpandangan kedua-dua sektor pertanian dan industri moden menjadi aktiviti utama penduduk luar bandar. Daya produktiviti masyarakat luar bandar lebih

meningkat dengan menggunakan sumber yang lebih optima serta alam sekitar yang lebih bersih dan menarik.

Saya juga memohon supaya pertanian dijalankan secara moden serta diuruskan secara komersil dan tanaman-tanaman komoditi diuruskan secara estet. Penanam-penanam kecil mengendalikan sawah dan kebun-kebun secara kolektif yang diuruskan oleh Koperasi Pertubuhan Peladang kawasan atau swasta. Dijangka pertanian moden ini akan hanya meliputi tidak lebih daripada 15% pekerja-pekerja luar bandar.

Perkampungan-perkampungan tradisional hendaklah menjadi lebih tersusun. Perumahan-perumahan hendaklah tertumpu di kawasan pusat pertumbuhan desa dan dijangka estet perumahan baru boleh diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar setaraf dengan estet perumahan yang sekarang ini berada di bandar.

Industri besar dan kecil juga hendaklah berada di kawasan luar bandar. Industri-industri ini kebanyakannya adalah berasaskan pertanian atau sumber-sumber lain, mempunyai talian dengan pusat-pusat pertumbuhan desa. Dalam gambaran ini, industri ini patut diagih-agihkan dan tiap-tiap yang besar dikelilingi oleh industri yang kecil, menyokong industri serta membekalkan perkhidmatan sebagai subkontraktor industri dan juga ia boleh meliputi 20% guna tenaga penduduk luar bandar. Industri perkhidmatan boleh muncul di pusat-pusat pertumbuhan yang akan juga dijadikan pusat pemasaran hasil-hasil pertanian. Industri perkhidmatan seperti kedai runcit, bank dan pelancongan di pusat-pusat pertumbuhan sepatutnya akan mengambil lebih daripada 20% penduduk bandar. Dijangka 35% penduduk luar bandar akan terus berhijrah ke kawasan-kawasan bandar atau tempat-tempat industri besar. Bakinya ialah mereka yang terus tinggal di luar bandar tetapi bekerja di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bercita-cita dan seiring dengan harapan kerajaan supaya masyarakat luar bandar akan hidup dalam keadaan yang harmoni kerana budaya masyarakat luar bandar yang penyayang yang telah ditanam dengan kukuhnya, cara hidup yang dinamis dan semangat kuat bekerja untuk menjadikan mereka berusaha gigih dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang usahawan-usahawan serta peniaga gigih untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi, perdagangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan anak-anak muda luar bandar pula mengenal semangat kecemerlangan hidup di dalam apa jua lapangan yang dipilihnya.

Disebabkan faktor alam sekitar yang bersih serta prinsip kesihatan yang dihayati, mudah-mudahan insya-Allah, umur mereka yang berada di luar bandar akan lebih panjang dan sihat dan ini akan membuatkan kawasan luar bandar lebih menarik dari kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pembangunan luar bandar hendaklah dilihat sebagai suatu pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang dengan penekanan kepada pewujudan dan pembahagian faedah yang saksama. Ianya harus dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru, keadaan kesihatan dan amalan pemakanan yang baik serta memberi peluang yang adil kepada semua. Pembangunan luar bandar juga memerlukan usaha yang padu dan berterusan bagi menghapuskan sebab-sebab kemiskinan fundamental yang berpunca daripada kelemahan sikap dan kemahiran manusia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam B.35 iaitu mengenai Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri yang telah pun mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM4.8 juta yang melibatkan di antaranya ialah mengenai penyiasatan jenayah Polis DiRaja Malaysia - ini dalam soal-soal siasatan jenayah dan juga anti dadah. Dalam soal ini, saya juga ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, di samping mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun meluluskan wang tambahan sebanyak RM4.8 juta ini kepada pihak Polis DiRaja Malaysia tetapi apa yang hendak disebut di sini ialah mengenai beberapa pusat latihan ataupun pusat-pusat pemulihan dadah yang berada di seluruh negara. Pusat pemulihan

dadah yang kita dapati sekarang ini telah pun beroperasi begitu lama di dalam negara kita yang telah melahirkan pelatih-pelatih yang sudah pun diberi latihan dengan sebaik-baiknya dan untuk menjalani penghidupan mereka seperti orang-orang yang biasa. Tetapi apa yang kita lihat sekarang ini kebanyakan daripada pelatih-pelatih ataupun mereka yang berada di pusat pemulihan dadah ini sentiasa melakukan pemberontakan dan juga sehingga berlaku jenayah pembakaran pusat-pusat pemulihan dadah dan sebagainya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, apakah kelemahan, kesilapan yang berlaku ini dapat diambil punca-puncunya daripada pihak pentadbir ataupun daripada pihak pengawalan di pusat pemulihan dadah itu sendiri terutama di kawasan di negeri Kelantan di Jeli, sehingga berlaku 700 orang merusuh dan membakar pusat itu. Saya ingin menyatakan di sini apakah matlamat pemulihan untuk pelatih-pelatih ataupun penagih-penagih ini gagal dalam matlamat yang sebenar iaitu pemulihan dari segi fizikal dan psikologi ataupun dari segi hendak mendisiplinkan diri pelatih-pelatih ini ataupun dari segi sosial, moral dan kerohanian serta kekeluargaan, serta sivik dan tatanegara. Saya mengharapkan kepada pihak yang terlibat terutama pihak Polis DiRaja Malaysia dan juga mereka yang terlibat di dalam pusat pemulihan dadah ini dapat memastikan bahawa perkara-perkara yang seperti ini dapat dibendung dan dikawal serta dicari punca-punca yang boleh menyebabkan perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dua perkara yang hendak disentuh oleh saya dalam menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1996. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Rahim bin Baba.

5.05 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1995 sepertimana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi iaitu perbelanjaan RM14,893,839,294 diperuntukkan untuk perbekalan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan bekalan tambahan ini bermakna perbelanjaan mengurus bagi tahun 1995 yang pada mulanya dianggarkan RM34 bilion sekarang ini telah pun bertambah kepada RM51.8 bilion. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semasa membentangkan Rang Undang-undang ini sebentar tadi.

Pertamanya ialah B.16, Jabatan Perkhidmatan Bomba yang telah pun diberikan peruntukan sebanyak RM3.1 juta. Sebenarnya peruntukan ini memanglah dialu-alukan untuk Jabatan Bomba iaitu B.16, walaupun peruntukan ini adalah untuk imbuhan bayaran kakitangan tetapi saya juga ingin menyentuh tentang persiapan-persiapan Jabatan Bomba kita dan juga persediaan-persediaan dari segi peralatan-peralatan.

Sekarang kita berbangga dengan mempunyai bangunan yang tertinggi sekali di dunia. Bangunan 88 tingkat, dua bangunan yang tertinggi di dunia berada di Malaysia sekurang-kurangnya sehingga bulan April tahun hadapan kita bolehlah berbangga bahawa kita mempunyai bangunan yang tertinggi sekali di dunia. Persoalannya ialah di samping kita boleh berbangga mempunyai bangunan yang tertinggi ini, apakah Jabatan Bomba kita juga telah pun bersiap sedia, telah pun dibekalkan, telah pun dilatih untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Satu ketika dulu, kita masih ingat berlaku kebakaran yang dahsyat di bangunan Bank Bumiputera, kalau tidak silap saya hanya 10 ataupun 20 tingkat. Itulah merupakan satu kebakaran yang paling ngeri yang pernah berlaku di negara kita dan apabila berlaku kebakaran itu dua ataupun tiga nyawa telah pun pergi dan barulah kita sedar bahawa Jabatan Bomba kita tidak

mempunyai peralatan-peralatan yang diperlukan. Barulah kita bercakap mengenai hendak beli skylift. Agaknya barulah pertama kali kita dengar soal-soal skylift. Sebelum itu tidak pernah kita dengar pun. Kalau ada pun Jabatan Bomba hanya menggunakan cara paip ataupun menggunakan cara-cara tradisional yang lain.

Jadi, apabila kita telah pun mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi, pencakar langit di Kuala Lumpur ini, adakah jabatan-jabatan kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Bomba kita boleh menampung sebarang kemungkinan yang akan berlaku? Dulu apabila berlaku keruntuhan di Highland Towers, barulah pada masa itu kita sibuk hendak menubuhkan satu unit khas untuk menghadapi mala petaka ini. Memang menjadi amalan di negara kita ini, apabila sudah berlaku barulah kita hendak memikirkannya.

Saya berharap biarlah kita berpandangan jauh dalam soal ini, sambil kita bangga kita mempunyai bangunan yang tertinggi di dunia dan pada masa yang sama juga infrastruktur yang lain hendaklah kita persiapkan, dari segi bombanya, dari segi kemudahan-kemudahan lain supaya apabila berlaku sesuatu kemalangan kita tidak akan merasai penyesalan.

Begitu juga pernah berlaku kebakaran-kebakaran umpamanya di rumah-rumah pangsa. Pada satu ketika dahulu iaitu pada tahun lalu telah berlaku satu kebakaran di kawasan Rumah Pangsa Dewan Bandaraya. Penghuninya telah memanggil pihak bomba dan bomba datang, mereka mencari di mana pili paip untuk ditarikkan air, tetapi mereka lihat berkunci pula dengan mangga di tempat itu, kononnya takut kalau ada orang mencuri air, itu sebabnya dikunci dengan mangga dan tidak boleh dibuka pula, kena cari pula orang yang pegang kunci itu. Setelah dicari tidak jumpa juga, pada hal kebakaran sudah berlaku, apabila dicari tidak jumpa ada yang berani itu diketuk-ketuknya menggunakan tukul besi, jadi ia terbuka. Bila sudah dapat dibuka, apabila dipasang tidak ada air juga, rupa-rupanya di atas sekali di tingkat 17, Jabatan Bomba tutup paip air itu, kerana ditakuti ada pula orang menggunakan air Jabatan Bomba. Jadi, kena pula seorang naik ke tingkat 17 dan buka pili paip itu, selepas itu barulah dapat digunakan air, sementara itu rumah yang terbakar itu sudah dapat diselesaikan oleh penduduk-penduduk tempatan tanpa menantikan perkhidmatan daripada Jabatan Bomba.

Dari segi perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini, kita berharap khususnya kepada Jabatan Bomba supaya dapat menyediakan diri untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, ada juga peralatan-peralatan yang tidak secukupnya. Sekarang ini kita sudah ada macam-macam perkara-perkara yang canggih yang akan ada di negara kita ini. Tidak lama lagi ada LRT, adakah Jabatan Bomba kita sudah bersedia? Kerana apapun masalah kadangkala Jabatan Bomba akan jadi sasaran.

Sekarang kita sudah ada LRT, kalau belaku sesuatu kemalangan ataupun sesuatu malapetaka di stesen LRT ataupun semasa mereka ini berada di dalam train atau di dalam gerabak yang berkenaan, adakah persiapan-persiapan atau kelengkapan-kelengkapan telah pun disediakan oleh pihak jabatan ataupun pihak kementerian? Saya akan terus menyokong jika ada usaha-usaha untuk menambahkan peralatan-peralatan moden khususnya kepada perkhidmatan bomba.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai T. 11 iaitu Perbendaharaan di mana RM26.8 juta untuk membiayai kos pampasan pengambilan tanah di Bukit Kiara bagi tapak projek perumahan awam, pusara dan juga tanah awam.

Saya pun tinggal di kawasan Bukit Kiara, tetapi saya tidak nampak ada perumahan awam, saya tidak nampak adanya pusara di kawasan itu dan juga saya tidak tahu apa maksud tanah awam, mungkin untuk tanah kegunaan. Tetapi sebagaimana yang kita ketahui projek ini telah pun ditukar.

Kerajaan mengambil tanah daripada orang awam, daripada estet Bukit Kiara dahulu dengan tujuan untuk dijadikan perumahan awam, maknanya buat rumah murahlah itu, iaitu rumah yang termampu oleh rakyat tertentu, untuk membuat pusara dan juga tanah awam. Tetapi pada hari ini apa yang kita dapat lihat ialah kawasan itu telah bertukar menjadi padang golf, telah pun bertukar menjadi tempat latihan kuda dan telah pun diseleweng dari tujuan asalnya.

Kita mengalu-alukan kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam bahawa mulai daripada sekarang kerajaan-kerajaan negeri tidak dibenarkan lagi mengambil alih tanah-tanah kepunyaan persendirian untuk tujuan-tujuan komersil. Saya pernah mengemukakan dan menimbulkan perkara ini semasa Rang Undang-undang Tanah (Pindaan) dahulu - bersyukurlah kepada kerajaan. Saya sudah dapat agak bahawa perkara-perkara ini akan dipergunakan oleh setengah-setengah kerajaan negeri ataupun oleh setengah-setengah pihak untuk mendapatkan keuntungan.

Saya tidaklah ingin membela pihak-pihak swasta ataupun sebagainya, tetapi terdapat kecenderungan setengah-setengah kerajaan negeri mengambil alih estet-estet selepas itu mengambil alih tanah orang-orang kampung, tanah rakyat biasa dengan harga yang murah selepas itu terus dijual kepada syarikat-syarikat swasta untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat kali ganda.

Saya percaya orang kampung, rakyat termiskin tidak marah kalau kerajaan hendak mengambil tanah untuk membuat sekolah, buat jalan, buat masjid. Ada pula orang kampung yang sanggup mewakafkan tanah untuk masjid pun, tetapi kalau diambil untuk kepentingan atau untuk mencari keuntungan tentulah tidak disukai. Saya berharap sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam perkara ini tidak akan dibenarkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Maksud B.36 - Polis DiRaja Malaysia. Polis DiRaja Malaysia telah pun diperuntukkan sebanyak RM206.6 juta. Ini adalah satu peruntukan yang sungguh tinggi. Saya faham bahawa kebanyakan peruntukan ini adalah bagi membiayai bayaran imbuhan kakitangan untuk tahun 1995. Ini adalah ekoran daripada kenaikan gaji anggota-anggota polis. Memang patut anggota-anggota polis kita dinaikkan gaji mereka itu setaraf dengan keadaan ekonomi negara sekarang, kerana tugas dan peranan mereka bukan hanya menjaga kepentingan dan juga keamanan negara.

Kita tidak mahu lagi ada orang menuduh polis kita ini 'rasuah'. Saya pun tidak berani hendak cakap polis 'rasuah' nanti kena pula. Kadang-kadang kita tidak berani hendak komen polis kita. Ada DJ komen salah sedikit pun sudah kena panggil, hari ini dia cakap, dalam masa dua hari selepas itu sudah kena panggil ke Jabatan Polis. Tetapi apabila polis menembak seorang di Kedah, selepas 4 bulan baru dicharge, kesnya baru dibawa ke mahkamah. Ini mungkin insiden-insiden dan bukanlah satu rule, hanya sebagai satu exception, dengan izin, bukanlah perkara ini berlaku dengan banyak, tetapi ini adalah insiden-insiden yang exception.

Kita berharap dengan kenaikan gaji ini tidak ada lagi selepas ini besok ada kata-kata seolah-oleh polis kita ini 'rasuah'. Pihak Polis Trafik menerima rasuah dan baru-baru ini bila diadakan tindakan mereka yang memberi rasuah -dia cuba merasuahkan polis ditangkap pula. Ini adalah satu tindakan yang baik dan saya percaya dalam jangka masa panjang ianya akan boleh memperbaiki lagi imej polis kita di pandangan ataupun di mata masyarakat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara. Peruntukannya ialah RM2.29 juta, juga saya percaya ini adalah untuk kenaikan gaji kakitangan dan untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam tahun 1995.

Sekarang ini kita sedang memperbaharui kad pengenalan, untuk mendapat kad pengenalan yang lebih baiklah dan akan berakhir pada penghujung tahun 1996 atau mungkin tahun 1997 - setahun lagi.

Saya cuma ingin mengharapkan kalau Jabatan Pendaftaran Negara tak cukup kakitangan untuk memperbaharui kad pengenalan ini supaya ditambah lagi. Saya sendiri tahu, dahulu ada gerakan untuk membaharui kad pengenalan untuk Ahli-ahli Parlimen, dalam masa seminggu sahaja sudah dapat. Memanglah kita puji, Jabatan Pendaftaran Negara efisien - cukup efisien dalam masa seminggu. Tetapi saya tidak memperbaharui, sengaja saya tidak hendak memperbaharui, kerana saya hendak memperbaharui sendiri. Saya hendak memperbaharui sendiri, walaupun saya kenal Pengarah Pendaftaran Wilayah Persekutuan, tetapi saya berjumpa dengan kerani sendiri, saya pergi sendiri, saya isi borang sendiri, saya daftar seperti rakyat biasa. Saya daftarkan pada bulan Oktober tahun 1995, sampai hari ini pun saya belum dapat lagi. Dia bagi tempoh dalam masa setahun kita akan dapat, kerana kita rakyat biasa di sini.

Maknanya kalau Yang Berhormat mungkin dalam masa seminggu. Jadi, dia very impressive. Very impress semasa diadakan pendaftaran di sini hari itu. Ahli Yang Berhormat yang baru mungkin tidak terlibat. Yang lama-lama semua masa itu - saya sengaja hendak tengok macam mana perjalanan pendaftar kalau saya daftarkan secara sendiri. Dalam masa setahun barulah kita boleh dapatkan balik kad pengenalan.

Jadi, saya khuatir kerana setakat ini ramai lagi yang belum lagi menukarkan kad-kad pengenalan mereka. Kalau difikirkan tidak cukup peruntukan-peruntukan dari segi kakitangan, dari segi kemudahan-kemudahan ataupun sebagainya, saya berharap pihak kerajaan supaya memberikan peruntukan-peruntukan yang lebih. Kerana kita tak mahu kadang-kadang kita ini terlampau relax sangat, kerana orang sudah tak percaya. Hari itu kata kalau hendak tukar driving license, Ketua Pengarah JPJ kata sampai bulan Jun. Habis bulan Jun ini tidak ada lagi. Tak boleh lagi ditukar, mungkin kena bayar. Lepas itu pula bila saya tengok keadaan, tambah lagi masa, tambah lagi masa dan sebagainya. Biar kita kerja dengan ada target date. Kalau kita sudah tentukan, kalau tak cukup kakitangan, kita tambahkan lagi kakitangan dan juga kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin buat pertanyaan dan juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, iaitu Maksud B.29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, di mana perkara yang kedua, sebanyak RM30 juta digunakan untuk membiayai kos berkaitan dengan penswastaaan kereta-kereta saloon Kerajaan Persekutuan. Kita semua faham kereta-kereta menteri, kereta-kereta timbalan menteri, setiausaha Parlimen dan jabatan-jabatan kerajaan telah pun diswastakan kepada sebuah syarikat yang dinamakan Spanco kalau tidak silap saya. Apabila saya membaca kertas yang diedarkan ini, saya lihat RM30 juta kerajaan terpaksa pula membayar apabila diswastakan. Biasanya apabila diswastakan, pihak yang menerima itu kena membayar. Mungkin dalam konteks ini oleh kerana kerajaan menyewa, kerana kereta-kereta ini telah pun diserahkan kepada pihak swasta tadi, sepatutnya pihak inilah yang membayar kepada kerajaan. Tetapi saya nampak macam seolah-olah kerajaan sudah bayar in advance RM30 juta kepada syarikat ini. Saya tak tahu, mungkin inilah agaknya pembayaran muka ataupun pembayaran pendahuluan. Maknanya seronok betul, untunglah syarikat yang dapat itu, kerajaan terus bayar in advance RM30 juta dahulu. Mungkin atas sewa-sewa terhadap kereta-kereta yang disewa oleh pihak kerajaan. Saya tidaklah mempertika soal penswastaaan ini, tetapi cuma inginkan penjelasan-penjelasan daripada pihak kementerian.

Begitu juga tentang bayaran kerugian dan pertukaran mata wang asing, pinjaman ASEAN Japan Development Fund. Orang Jepun memang pandai. Dia biasanya beri loan dahulu. Dia beri semasa currency dia rendah, dia beri loan sebanyak-banyak yang boleh, ikut currency dia. Apabila sudah banyak dia beri loans, dia berikan pinjaman, selepas itu baru dia akan menggunakan mekanisme yang tertentu

untuk menaikkan kadar currency dia supaya negara-negara yang meminjam akan terpaksa membayar lebih daripada itu. Saya percaya Kerajaan Malaysia juga tidak terkecuali daripada kena membayar lebih kerugian akibat daripada pinjaman ini.

Saya berharap pada masa-masa akan datang kalau boleh, oleh kerana keadaan kewangan negara kita telah pun kukuh, segala pinjaman yang kita buat jangan lagi gunakan atas currency Yen, tetapi gunakan atas currency Ringgit Malaysia ataupun US\$ pun tak mengapalah, fluctuate dia tidak terlampau banyak sangat. Tetapi kalau gunakan Yen, akan melibatkan fluctuation yang terlampau tinggi dan juga akan melibatkan kerugian yang banyak kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, B.22 iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, telah pun diberikan peruntukan sebanyak RM9,000,000 walaupun dalam kertas memorandum ditulis RM9,000. Tetapi sebenarnya RM9,000,000 untuk membiayai aktiviti-aktiviti promosi pelancongan di Jepun. Saya katakan dalam memorandum ini RM9,000 kerana saya hendak beritahu kepada Setiausaha Parlimen bahawa saya baca memorandum ini, bukannya diberi begitu sahajalah. Dituliskan RM9,000 walaupun perbelanjaan sebenarnya RM9,000,000 untuk aktiviti-aktiviti promosi pelancongan.

Memang kita alu-alukan promosi-promosi yang dijalankan oleh pihak kerajaan, khasnya oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kita sekarang berbangga, di mana pendapatan daripada pelancongan merupakan yang ketiga terbesar daripada foreign exchange negara kita. Sekarang ini pun kita mempunyai pelancong lebih daripada 7 juta yang melawat negara dan menjadi target Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya mendapatkan sekurang-kurangnya 20 juta pelancong datang melawat negara kita ini sama dengan jumlah penduduk di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan ialah supaya di samping memberikan kemudahan kepada pelancong-pelancong - ini ada note minta dipendekkan pula. Kalau tak bahas pula, dia kata Dewan Negara jadi rubber stamp. Hendak dibahas pula, minta dipendekkan. Ini yang susah. [Ketawa] Saya tak tahu siapa yang beri, saya tak perasaan. Tak mengapalah, saya patuhlah. Mungkin Tuan Yang di-Pertua minta agaknya. Saya selalu patuh kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ding Seling: Bukan saya, sila teruskan. [Ketawa]

Tuan Rahim bin Baba: Saya tahu, abang saya minta hendak balik cepat, ada hal, ada urusan agaknya. Memang kita mengalu-alukan usah-usaha untuk menarik pelancong ke negara kita. Tetapi pada masa yang sama bukan hanya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk berusaha menarik pelancong ini. Kita juga mestilah bersedia dengan infrastruktur negara kita sendiri. Janganlah kita menyusahkan pelancong-pelancong untuk datang. Saya pernah pergi ke sesetengah negara yang berkehendakkan visa. Kalau hendak pergi melawat negara itu, kita perlukan visa. Saya pun mula-mula tak jadi hendak pergi, kerana saya tak ada visa. Lepas itu saya diberitahu boleh dapat visa di airport sahaja. Pergi ke airport, bayar US\$10 boleh dapat visa di situ sahaja. Diuruskan di situ sahaja.

Walaupun pada permulaannya saya tidak ada rancangan untuk pergi ke negara itu, tetapi oleh kerana apabila saya dengar dia kata boleh mendapatkan visa dengan mudah, saya pun pergi. Rupanya negara itu dapat tambah seorang lagi pelancong.

Saya berharap kerajaan kita juga akan memikirkan supaya mempermudah pelancong-pelancong - saya faham, kerana kita takut juga mereka yang tidak diingini datang ke negara kita mengambil kesempatan - tetapi pada masa yang sama saya percaya ada juga pelancong-pelancong yang tulen, yang betul-betul, yang bona fide pelancong, yang ingin datang untuk singgah satu ataupun dua hari supaya mereka ini juga diberikan kemudahan-kemudahan ataupun untuk mempermudah mereka ini untuk datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sudah mendapat note ini, jadi, saya pun patuhlah dan secara kebetulan saya pun sudah hendak habis dah. Jadi, dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Tuan Ding Seling: Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

5.32 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun hanya sebentar sahaja, tidak mahu mengambil masa panjang. Saya ingin menyentuh beberapa jabatan sahaja yang disenaraikan mendapat tambahan peruntukan. Pertama, saya ingin menyentuh Jabatan Peguam Negara. Sebagaimana yang kita difahamkan bahawa adalah disyaratkan penuntut-penuntut yang lulus di bidang undang-undang untuk mengambil CLP (Sijil Amalan Guaman), kalau tidak silap saya dua bulan sudah saya terbaca dalam akhbar bahawa kelulusan CLP ini amat mendukacitakan. Dari jumlah lebih kurang 1,000 orang penuntut hanya 25% atau 30% sahaja yang lulus.

Saya secara sepintas lalu membuat kajian bahawa terdapat diskriminasi di dalam Lembaga Kelayakan. Lembaga-lembaga yang mengemukakan soalan-soalan dalam peperiksaan, mendiskriminasikan penuntut-penuntut yang ada pada masa sekarang, dengan alasan berkemungkinan mereka takut terlalu ramai peguam di dalam pasaran. Akan tetapi, dari jangka masa panjang saya rasa ini adalah amat merugikan negara dan bangsa kerana mereka ini kita hantar ke luar negeri melalui biasiswa, pinjaman dan sebagainya, dan balik dengan ijazah mereka, dengan kelulusan yang agak baik, akan tetapi apabila mereka sampai di sini, duduk dalam peperiksaan Sijil Amalan Guaman, mereka gagal.

Apakah ini suatu amalan yang baik yang dilakukan oleh Lembaga Kelayakan? Saya minta pihak kementerian juga prihatin terhadap hal yang sedemikian, supaya perkara ini tidak berlaku seterusnya. Apa salahnya Lembaga Kelayakan ini, kita beri peluang kepada Kementerian Pendidikan untuk mengkaji balik cara yang lebih baik dan lebih mudah.

Saya ingin ingin menyentuh Maksud B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang diberi tambahan sebanyak RM660,000. Jabatan Perancangan Bandar ini adalah baik. Tujuan mereka membuat perancangan yang teratur supaya kita dapat selesa dalam jangka masa 20 atau 30 tahun. Akan tetapi amat mendukacitakan terdapat beberapa insiden bahawa Jabatan Perancangan Bandar ini tidak turun ke tempat yang dirancang, maka terdapatlah sungutan-sungutan dari penduduk yang dimangsakan. Sebagai contoh, terdapat rancangan perumahan bahawa kubah najisnya atau takongan untuk rawatan adalah berhadapan dengan masjid, berhadapan dengan surau, tepi rumah penduduk-penduduk yang sudah bermastautin di situ hampir 30 - 40 tahun. Persoalannya kerana mereka tidak turun, mereka hanya menatapinya segala peta-peta lokasi yang diberikan oleh pemaju-pemaju.

Dengan hal yang demikian, kementerian perlu prihatin terhadap perancangan bandar dan desa ini supaya memberi keselesaan kepada penduduk dari masa ke semasa. Mereka kita bayar gaji dengan begitu lumayan, kita beri mereka elaun perjalanan dan sebagainya. Apa salahnya mereka turun ke tempat yang dimaksudkan, meneliti dan memastikan perkara seperti ini tidak berlaku? Dan amat dukacita apabila saya menimbulkan soalan ini di dalam mesyuarat Majlis Daerah, jawapan mereka amat enteng sekali. Mereka kata, mereka tidak tahu ada masjid di situ. Pada hal masjid yang demikian telah pun berdiri selama 40 - 50 tahun dan amat malang sekali sebuah bangunan untuk kita sembahyang, iaitu masjid berkiblatkan tangki najis. Adakah ini tidak merupakan penghinaan kepada agama Islam? Saya amat kesal. Saya harap supaya perkara ini tidak akan berlaku di masa akan datang.

Maksud B.23 - Jabatan Arkib Negara dan saya rangkumkan sekali dengan Jabatan Muzium. Kita baru ini terbaca, terdapat gambar rumah pemimpin-pemimpin kita, terutama di Johor - pemimpin-pemimpin agung kita - Dato' Onn Jaafar dan beberapa pemimpin lagi di Johor telah pun terjual dan telah dijadikan restoran dan begitu juga rumah Yang Berhormat Tan Sri Jaafar Albar, saya rasa tinggal usang dan begitu juga istana-istana lama yang tinggal. Di Pulau Pinang, misalnya terdapat rumah-rumah yang berbentuk lama, yang telah pun diwartakan oleh Jabatan Muzium sebagai rumah kekal. Kadangkala Jabatan Muzium ini cuma mewartakan sahaja, mereka tidak mengambil kira untuk menjaga mutu rumah itu supaya kekal.

Apa salahnya kita beri tambah peruntukan untuk mereka ini agar menjaga keselamatan rumah itu dari segi pagar dan sebagainya supaya tidak diceroboh oleh anasir-anasir yang tidak sihat? Saya berkata demikian kerana terdapat rumah-rumah berkenaan yang digunakan oleh penghisap-penghisap dadah untuk dijadikan ibu pejabat mereka, untuk mereka berjumpa pada waktu siang ataupun malam. Terdapat juga, di Perak di mana sebuah rumah yang amat memberi makna kepada penduduk setempat yang dipanggil Kellie's Castle (Kinta Kellas). Kellas Smith Castle ini memberi makna yang amat sangat kerana dia merupakan seorang tokoh yang mula-mula menanam getah di Lembah Kinta (Kinta Valley), tetapi malangnya peruntukannya amat terhad dan cuma boleh buat jambatan dan satu restoran atau satu hard-stand, dengan izin, untuk letak (parking) kereta. Apa salahnya rumah yang berkenaan di baik-pulih, ditambah peruntukan, meskipun ada baru-baru ini dibaik-pulih sedikit, tetapi saya meneliti dengan lebih teliti rumah ini telahpun terhakis, tidak begitu memberi keselamatan kepada pelawat-pelawat. Begitu juga rumah istana raja asal yang tinggal rumah asal yang tidak dipedulikan langsung oleh Jabatan Muzium.

Saya rasa kalau perlu rumah itu kita beli kembali daripada pemiliknya atau warisnya kerana hal yang demikian, bangunan-bangunan lama ini merupakan aset negara yang perlu kita kekalkan. Kita tidak mahu berbangga dengan 100 tahun kereta api dan sebagainya, tetapi apabila dipamerkan lokomotif-lokomotif yang menggunakan wap adalah lokomotif seumur dengan saya. Saya lahir lokomotif itu pun lahir. Pada hal lokomotif yang digunakan itu lebih lama daripada umur saya. Kemanakah perginya lokomotif-lokomotif itu? Kerana kurang peka terhadap kepentingan negara, lokomotif itu lepas kepada pembeli-pembeli besi buruk dijadikan bahan untuk raw material untuk dijadikan besi keluli dan sebagainya. Apa salahnya kita peka terhadap perkara itu? Keadaan kewangan kita mengizinkan.

Saya berharap kepada Jabatan Muzium supaya memberi perhatian yang lebih kepada bangunan-bangunan yang ditinggalkan oleh pemimpin-pemimpin negara. Saya percaya rumah-rumah Tunku Abdul Rahman yang merupakan Perdana Menteri kita yang pertama juga satu hari besok lepas ke tangan orang lain, begitu juga Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, saya rasa perkara ini perlu kita ambil perhatian yang lebih serius.

Saya rasa setakat itulah empat jabatan yang saya sentuh pada petang ini dan saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.42 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menentuk satu perkara sahaja iaitu B.25 mengenai peruntukan kepada Kementerian Pertahanan di mana sejumlah RM81,548,256 telah diperuntukkan bagi tentera kita di Bosnia-Herzegovina di bawah I-FOR dan di bawah NATO.

Kita memang sangat berbangga dengan kemampuan negara kita untuk sama-sama menyumbang ke arah satu sumbangan yang kita anggap sangat suci dan murni terutamanya dalam bentuk sentimen Islam.

Walau bagaimanapun, dalam kita menyumbang wang yang sebegitu banyak untuk kita sama-sama bersama dengan saudara-saudara Islam kita, saya merasakan juga bahawa negara perlu mengambil kira untuk memastikan bahawa penjenayah-penjenayah peperangan yang telah banyak menyebabkan ramai wanita-wanita, kanak-kanak dan juga orang lelaki yang terbunuh dan menjadi mangsa peperangan dalam pelbagai bentuk penyiksaan dibawa ke pengadilan.

Apa yang kita dapat baca bahawa International Court of Justice, dengan izin, telah pun menjalankan tugasnya, walau bagaimanapun, didapati masih tidak memberikan satu tanda-tanda yang memuaskan. Saya ingin mencadangkan negara kita Malaysia untuk menerajui satu gerakan untuk memastikan bahawa International Court of Justice ini atau Mahkamah Kehakiman Antarabangsa ini dapat melaksanakan tugasnya dengan sempurna dan dapat dengan berkesan menghukum penjenayah-penjenayah peperangan yang telah berlaku di Bosnia-Herzegovina.

Saya juga dalam menyentuh perkara ini ingin mengingatkan kerajaan tentang tentera kita di Malaysia ini di mana apa yang telah kita dapati pihak Kementerian Pertahanan menghadapi kesukaran mendapatkan tenaga untuk menyertai Kementerian Pertahanan atau memasuki jawatan tentera. Jadi, mungkin kerajaan perlu mengambil kira untuk memikirkan cara-cara untuk memberi tarikan dan insentif kepada pemuda-pemuda kita untuk menyertai Kementerian Pertahanan dan seterusnya juga saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian Pertahanan lebih mengkhususkan teknik-teknik yang berciri 'combat' untuk memastikan bahawa pertahanan kita juga terus mantap walaupun kita banyak berbelanja untuk tentera kita keluar ke negara-negara luar seperti apa yang telah kita buat di Bosnia-Herzegovina.

Saya juga berharap dalam kita melihat kepada peruntukan kepada Kementerian Pertahanan ini juga perkara-perkara yang telah berlaku yang berlaku dan terus berlaku terutamanya tentang apa yang telah berlaku dengan kapal-kapal terbang dan helikopter-helikopter yang saya rasa terus berlaku walaupun telah berlaku banyak kali, seolah-olah macam perkara itu menjadi perkara biasa di Kementerian Pertahanan.

Saya juga telah dapat tahu bahawa kemungkinan selalunya berlaku jatuhnya helikopter dan sebagainya ialah kerana kurangnya penyeliaan kepada helikopter-helikopter yang digunakan oleh ahli-ahli tentera kita. Mungkin juga kita tidak mempunyai ahli-ahli technician yang berkemahiran yang mampu untuk menyelia helikopter-helikopter ataupun jentera-jentera yang digunakan oleh ahli-ahli tentera kita.

Saya percaya kalau ramai mereka yang terkecundang kerana jentera yang tidak diperiksa atau kurang penyeliaan kerana kurangnya ahli-ahli technician ini, perkara ini tentunya akan memberi implikasi yang berat kepada kita memandangkan kita memang tidak mempunyai sumber manusia yang mencukupi.

Jadi, saya ingin mencadangkan jikalau peruntukan-peruntukan untuk Kementerian Pertahanan yang diberi tambah atau ditambah hendaklah mengambil kira untuk memastikan bahawa kementerian memberi latihan ataupun latihan semula kepada ahli-ahli techniciannya untuk memastikan kita tidak lagi rugi orang-orang atau ahli-ahli tentera kita atau tentera laut ataupun tentera udara kerana mesin-mesinnya yang tidak dijaga dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput pihak kementerian untuk menjawab.

5.49 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Perbekalan Tambahan 1995 (No. 2) 1996.

Untuk menjawab permasalahan dan concerned, dengan izin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha bahawa kementerian dan kerajaan sekarang ini khususnya MITI sedang menganjurkan beberapa insentif kepada koridor-koridor pembangunan ataupun anjung-anjung bangunan baik di timur dan juga di Sabah dan Sarawak dan dengan adanya insentif-insentif yang telah diberikan itu, kita berharap agar pembangunan seimbang dapat kita capai melalui beberapa insentif dan koridor-koridor pembangunan yang kita galakkan.

Sekarang ini juga apa yang kita lakukan bahawa IKS sedang dipesatkan di koridor-koridor pembangunan dan kita harapkan bahawa konsep payung IKS ini akan memberikan natijah yang bagus kepada vendor-vendor untuk memberikan supply kepada multinational yang ada.

Mengenai penyusunan semula kampung, oleh kerana banyak penyusunan semula kampung sedang dilakukan oleh kerajaan negeri dan kita berharap jugalah bahawa penyusunan semula kampung ini akan dilihat daripada beberapa perpektif yang lebih luas supaya anak-anak kita di kampung dapat di bandarkan. Ini bermakna bukan sahaja orang-orang kampung berhijrah ke bandar seperti yang berlaku sekarang ini, tetapi apa yang kita hendak bahawa facilities yang ada di bandar terdapat juga di kampung, dengan bekalan airnya, bekalan elektriknya, dengan bekalan telefon, sekolah-sekolah, guru-guru yang berkelayakan dapat kita sampaikan kepada orang-orang di desa.

Saya juga mengambil perhatian tentang syor oleh Senator Hajah Zaleha mengenai pertanian moden secara estet di mana sekarang ini apa yang telah dilakukan agar Felcra, Felda dan sebagainya dapat mengumpulkan tanah-tanah yang kecil dan disatukan supaya dapat kita membentuk satu estet dan supaya kosnya dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Senator Hajah Zaleha juga menyatakan bahawa ramai pekerja-pekerja kita di kampung-kampung telah berhijrah ke bandar dan ini tidak dapat kita elakkan tetapi apa yang hendak kita katakan, sepertimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Senator supaya masyarakat luar bandar lebih bersokong dan berpaut antara satu sama lain dengan sikap-sikap penyayangannya agar dapat kita melihat bahawa masyarakat-masyarakat kampung dan juga masyarakat bandar yang kita hendak bawa ciri-ciri kampung ke bandar agar dapat anak-anak kita memelihara dan menjaga orang-orang tua mereka supaya ini dapat kita majukan lagi aspirasi negara kepada masyarakat penyayang dan masyarakat luar bandar.

Dan saya juga bersetuju dengan saranan Yang Berhormat tadi dengan adanya IKS di luar bandar, dengan adanya insentif-insentif yang kita berikan kepada pekilang-pakilang supaya datang ke luar bandar dan dengan adanya infrastruktur-infrastruktur yang telah kita adakan dan kita terus adakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya dapat peluang-peluang pekerjaan baru kepada penghuni-penghuni di kampung, dapat kita bela dan tidaklah payah mereka pergi ke bandar kerana apa yang berlaku sekarang ini banyak permasalahan-permasalahan di bandar dan oleh kerana orang-orang kampung ke bandar dengan pressure yang ada, maka terjadilah perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, maka sekarang ini kerajaan akan cuba memperlihatkan bahawa masyarakat penyayang ini apa yang hendak kita lihatkan supaya ibu bapa itu akan diberi kursus keibubapaan dan anak-anak mereka diberi juga perhatian supaya dapat mereka hidup bersatu dan tidak banyak penyelewengan luar daripada norma kita dan juga supaya tidak banyak porak-peranda di dalam keluarga.

Mengenai Maksud B. 35 Kementerian Dalam Negeri dan Yang Berhormat tadi telah menyarankan mengapa kita dapati bahawa ramai penghuni-penghuni yang tinggal di pusat pemulihan dadah di seluruh negara memberontak. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa ramai di antara anak-anak kita terutamanya orang-orang Melayu, lebih kurang 70% terjebak dalam masalah dadah. Di sinilah selalu diperkatakan di mana keinsafan kerana kita orang-orang Melayu keseluruhannya

beragama Islam, kita berpuasa, kita menjalankan ibadah tetapi penghayatannya tidak mencukupi kerana ramai anak-anak kita terjebak dalam gejala dadah. Dan sejak kebelakangan ini berlaku kesesakan oleh kerana kerajaan cuba hendak memulihkan secara compulsory anak-anak kita ini dan kesesakan ini berlaku kerana pusat-pusat serenti terpaksa menampung lebih banyak muatan dan keadaan ini mengakibatkan pelbagai kesulitan dan ketidakelesaian terutama di asrama-asrama sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pelatih-pelatih.

Begitu juga pelatih-pelatih yang tegar, yang berulang kali ditangkap dan dimasukkan ke dalam pusat ini, mereka tidak bermotivasi lagi dan rekod jenayah mereka tinggi dan mereka ini juga mudah mempengaruhi penghuni-penghuni yang baru.

Sebab yang ketiga ialah kerana kebanyakan pusat-pusat serenti di seluruh negara ini kekurangan kakitangan dan Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil tindakan supaya dapat kakitangan-kakitangan ini ditambahkan dan juga pelatih-pelatih tidak mempunyai kesediaan untuk dipulihkan, mereka sering menimbulkan masalah dan menunjukkan sikap yang reluctant terhadap aktiviti-aktiviti pemulihan.

Sementara sebab-sebab mereka lari dari menyertai program latihan ialah mereka tidak mempunyai kesediaan dan motivasi untuk menjalani pemulihan. Kebanyakan pelatih-pelatih tidak boleh menyesuaikan diri dengan sistem disiplin yang ketat dan latihan ala-tentera berdasarkan konsep tough and rugged. Masalah pengantungan terhadap dadah yang masih kuat dan sukar untuk diatasi, keinginan untuk bersama keluarga terutama musim perayaan, masalah conflict inter personal di kalangan pelatih-pelatih.

Jadi, kita lihat sekarang ini permasalahan-permasalahan ini timbul oleh kerana polisi kita untuk mengadakan compulsory rehabilitation, dengan izin. Dan apa yang hendak kita lakukan sekarang ini, kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri khususnya sedang melihat kembali apakah approach yang sesuai, sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi supaya ada psikologinya, supaya ada sikap caringnya, supaya ada sikap sivik dan tanggungjawabnya, bukan sahaja kepada diri mereka tetapi juga kepada keluarga, bangsa, agama dan negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Rahim Baba telah menyatakan mengenai B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba dan kita telah beberapa kali menyatakan kepada orang awam supaya perkhidmatan bomba ini harus kita gunakan dan kita panggil apabila perlu. Kadang-kadang ular ada di dalam reban ayam pun panggil bomba, kadangkala kucing panjat pokok tidak boleh turun dipanggil juga bomba dan kita mengharapkan perkara-perkara seperti ini tidak usah lagi kita lakukan dan sepertimana Tuan Rahim Baba tadi menyatakan bahawa bangunan-bangunan tinggi yang kita banggakan sekarang ini hendaklah kita lihat bagaimana untuk mengatasi masalah-masalah apabila berlaku kebakaran.

Jadi, pihak kementerian telah pun membincangkan perkara ini dan saranan ini sungguh bagus dan apa yang kita harapkan bahawa bangunan-bangunan pencakar langit ini hendaklah diperlengkapkan dengan apa yang dikatakan 'intelligent building' supaya dapat, sebelum bomba datang, 'intelligent building' ini akan dibentuk begitu rupa supaya dapat perkara-perkara seperti kebakaran dan perkara-perkara yang tidak disukai berlaku, akan dapat dielakkan. Saya rasakan apa yang diperkatakan oleh Tuan Rahim Baba tadi suka saya maklumi mengenai keruntuhan bangunan misalnya, baru kita heboh mencari unit khas, baru kita bekerjasama dengan jabatan-jabatan yang lain dan dalam permasalahan ini juga kita akan dapat kerjasama dengan jabatan-jabatan lain seperti bantuan helikopter polis, unit khas untuk bantu orang-orang supaya dapat turun dengan segera dan sebagainya.

Mengenai Maksud B.36 - Polis DiRaja Malaysia, sekarang ini apa yang sedang dilakukan, satu penghayatan daripada pihak polis dan kita dapati bahawa banyak tangkapan-tangkapan yang telah dilakukan kerana rasuah. Apabila orang

memberi polis rasuah, pegawai polis mengatakan ini tidak baik dan sebagainya tetapi jika hendak diberi, orang yang memberi rasuah itu akan ditangkap dan kebanyakannya telah pun dibawa ke mahkamah untuk pengadilan.

Mengenai Jabatan Pendaftaran Negara Maksud B.39, pengeluaran kad pengenalan baru sedang dijalankan lagi oleh kerana banyak permintaan-permintaan terutama dari Sabah dan Sarawak oleh kerana komunikasi kurang dan perkara ini sedang kita ambil tindakan. Untuk pegawai-pegawai, saya rasakan pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran agak cukup. Permasalahan yang kita dapati sekarang ini ialah kerana apabila mereka memohon kad pengenalan yang baru dan lepas itu mereka berpindah, maka banyak kad-kad pengenalan yang baru tidak dapat diberi kepada pemohon-pemohon kerana, terutamanya di Lembah Kelang ini, pemohon-pemohon sungguh mobile, dengan izin dan berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat, maka apabila dihantar ke alamat yang terbaru yang diberi notis kepada Jabatan Pendaftaran Negara tetapi malangnya tidak dapat dikesan mereka ini kerana terlampau banyak perpindahan yang berlaku.

Bayaran kerugian mata wang asing mengenai Yen, sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri di Dewan Rakyat bahawa buat masa ini kita akan berhati-hati. Pada hitungan panjangnya, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kita meminjam Yen oleh kerana kita rasakan dalam jangka panjang kita beruntung, tetapi apabila Yen dinaikkan harganya atau appreciation of Yen, dengan izin, maka di situ kita terperangkap.

Pada masa-masa akan datang, kerajaan berhati-hati supaya segala MoU yang ditandatangani dan juga pinjaman-pinjaman wang yang kita lakukan tidak akan dibuat dalam bentuk Yen.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal mengenai Jabatan Peguam Negara, perkara ini juga telah dibangkitkan di Dewan Rakyat baru-baru ini dan mengenai peperiksaan untuk mendapatkan Sijil CLP, Jabatan Perdana Menteri sedang menyiasat perkara ini.

Mengenai Maksud B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa, sepertimana Yang Berhormat katakan, kalau misalnya perancangan itu dibuat di peringkat bawah atau local government, apa yang selalu dilakukan ialah kita meminta semua Ketua-ketua Jabatan di peringkat daerah itu memberikan komen. Tetapi apabila pegawai-pegawai yang berkenaan mengatakan bahawa Pegawai Perancang Bandar dan Desa di peringkat negeri tidak turun ke bawah dan berlakulah septic tank di hadapan masjid dan sebagainya, kita akan mengambil ingatan tentang perkara ini dan mengambil perhatian.

Maksud B.23 - Jabatan Arkib Negara dan Muzium, kita berharap agar muzium-muzium negeri dapat mempertingkatkan lagi pengenalan mereka tentang istana-istana raja asal dan tentang Kellie's Castle dan tentang rumah-rumah pemimpin kita supaya tidak terjual dan tidak terpelihara dan terbiar begitu sahaja.

Oleh kerana ini juga, seperti kata Yang Berhormat, satu aset kepada negara dan juga satu punca di mana orang-orang luar dari Jepun dan dari negara-negara luar dapat melihat persejarahan kita. Syor ini saya akan ambil tindakan dan ingatan dan akan memberikan syor ini kepada jabatan berkenaan.

Yang Berhormat Puan Kamalia telah menyaranakan tentang Maksud B.25 tentang Kementerian Pertahanan oleh kerana kita komited dalam dasar luar negara kita dan sekarang ini kita sendiri membelanjakan pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negara. Ini adalah satu sumbangan murni kita kepada politik antarabangsa.

Mengenai International Court of Justice dan sepertimana Yang Berhormat juga sedia maklum, Amerika telah masuk campur di Bosnia-Herzegovina oleh kerana tretidated di Amerika Syarikat dan tretidated juga telah meminta kalau boleh, penjenayah-penjenayah ini dikemukakan kepada International Court of Justice.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Mengenai tenaga baru yang tidak mahu menjadi tentera, kita telah pun juga memperketatkan polisi di mana boswing dan kolej tentera kalau dahulu mereka boleh keluar selepas Form 5 dan boleh keluar selepas itu untuk meningkatkan pendidikan dan keluar daripada berkhidmat dengan tentera, tetapi sekarang, apa yang kita lakukan, kita memperketatkan polisi ini apabila mereka masuk boswing atau pun kolej tentera, mereka akan diminta berkhidmat dengan tentera di bawah Kementerian Pertahanan dan tidak boleh dilepaskan begitu sahaja seperti dahulu.

Mengenai ramai pilots kita yang meninggal akibat jatuh, kita berharap dengan adanya sekarang ini, kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membeli jet yang baru seperti MiG daripada Russia, Great Britain dan Amerika dan dalam pembelian itu juga kita masukkan konsep latihan agar dapat pegawai-pegawai kita berlatih di sana menjadi technician atau pilot kita harapkan boleh supaya jet-jet ini akan terbang dengan lancar. Baru-baru ini juga kita telah membuat perjanjian agar spare parts dapat diberi apabila diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah komen-komen saya. Yang mana tidak saya beri jawapan, kementerian-kementerian berkenaan akan mengambil ingatan.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA - (Pindaan) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.07 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia telah diwujudkan melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 bertujuan untuk menggalakkan majikan-majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja. Dalam suasana pasaran buruh yang ketat yang dihadapi oleh negara pada masa ini, latihan semula kepada tenaga pekerja adalah sangat diperlukan untuk mewujudkan kepakaran dalaman supaya kemahiran dan pengetahuan pekerja dapat disesuaikan dengan penggunaan teknologi baru. Majikan yang mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran akan membantu mereka meningkatkan kualiti, produktiviti dan berdaya maju yang akan dapat mengekalkan daya saing mereka di pasaran.

Pada masa ini, Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 meliputi majikan-majikan sektor perkilangan yang mempunyai pekerja seramai 50 orang dan ke atas dan

mereka yang mempunyai pekerja antara 10 ke 49 orang dan dengan modal berbayar RM2.5 juta dan ke atas.

Turut diliputi adalah majikan-majikan sektor perkhidmatan yang mempunyai pekerja seramai 10 orang dan lebih di dalam industri hotel, agen pengembaraan, pengiklanan, perkhidmatan komputer, penghantaran freight, perkhidmatan telekomunikasi, perkapalan, perkhidmatan pos dan kourier serta pengangkutan udara.

Majikan-majikan yang tertakluk di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 adalah dikehendaki berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan membayar levi pembangunan sumber manusia pada kadar 1% daripada upah bulanan pekerja. Semenjak akta ini dikuatkuasakan mulai Januari 1993 sehingga 10 Mei 1996, seramai 4,990 majikan telah berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia. 4,114 adalah daripada majikan sektor perkilangan dan 880 dari sektor perkhidmatan. Dalam tempoh berkenaan, levi pembangunan sumber manusia yang telah disumbangkan oleh majikan adalah sebanyak RM270.09 juta. Seperti diperuntukkan di bawah akta ini, majikan-majikan yang telah berdaftar dan telah membayar levi untuk tempoh enam bulan adalah layak mendapat geran latihan apabila melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Sehingga hari ini majlis telah melaksanakan empat skim latihan bagi tujuan pemberian geran latihan kepada majikan-majikan.

Sebagai usaha tambahan untuk menggalakkan majikan menjalankan latihan terutama latihan dalaman, skim bantuan kewangan membeli alat bantuan latihan, mengadakan bilik latihan disediakan. Dalam pada itu, usaha untuk mempertingkatkan lagi penggunaan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dijalankan berterusan dan tiga skim latihan baru telah diperkenalkan pada awal tahun 1996. Skim-skim itu adalah Skim Latihan Bersama, Skim Latihan Berkelompok dan Skim Pinjaman Faedah Rendah.

Mulai 1hb. Januari 1993 sehingga 10hb. Mei 1996, seramai 889,085 orang pekerja telah diluluskan untuk dilatih semula dengan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak lebih kurang RM200 juta. Dalam pada itu sebanyak RM1.77 juta pula telah diluluskan kepada majikan bagi tujuan pembelian peralatan bantuan latihan untuk memudahkan mereka menjalankan latihan dalaman.

Di bawah Skim Pinjaman Faedah Rendah yang dilaksanakan kelak, sejumlah RM50.84 juta sudah tersedia kepada pusat-pusat latihan yang ditadbirkan oleh industri, persatuan majikan dan institut latihan swasta teknikal membarui dan meningkatkan peralatan latihan mereka serta mengadakan woksyp yang moden dan bermutu. Pinjaman ini adalah bertujuan menambah penawaran latihan teknikal khususnya dalam bidang teknologi baru. Jumlah tersebut adalah daripada levi untuk tahun 1993 yang tidak dituntut oleh majikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperluaskan dan memperkemaskan lagi pelaksanaan Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, adalah dicadangkan beberapa seksyen di dalam akta ini dipinda. Ia bermula dengan cadangan di Fasal 2, yang bertujuan meminda Seksyen 2 Akta untuk meminda takrif yang sedia ada di samping memasukkan takrif baru.

Sehubungan ini, takrif 'kontrak perantisan' adalah dipinda dengan menggantikan 'tempoh perantisan yang ditetapkan tidak kurang daripada satu tahun kepada satu tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.' Pindaan ini mengeluarkan ketegaran yang ada dan memberikan fleksibiliti menangani kewujudan tempoh latihan perantisan yang berbeza antara sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, dengan memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Majlis untuk meluluskan sewajarnya sesuatu tempoh latihan perantisan.

Tempoh latihan yang panjang hanya sesuai untuk melatih tenaga kerja dalam sektor perkilangan. Ini kerana latihan-latihan teknikal memerlukan latihan teori,

praktikal dan latihan praktik di tempat kerja yang melibatkan penggunaan mesin dan peralatan latihan. Sebaliknya sektor perkhidmatan memerlukan tempoh latihan yang lebih singkat kerana jenis pekerjaannya tidak menggunakan teknologi yang kompleks, misalnya agensi pengembaraan. Oleh itu adalah didapati sesuai dan praktik. Ketua Pengarah Majlis diberi kuasa untuk meluluskan sesuatu kontrak perantisan setelah berbincang dengan majikan-majikan di industri berkenaan.

Selaras dengan pindaan tafsiran 'kontrak perantisan' takrif baru 'Ketua Pengarah' perlu dimasukkan sebelumnya. Takrif baru 'Ketua Pengarah' yang membawa erti 'Ketua Pengarah' yang dilantik di bawah Seksyen 20 Akta akan membolehkan Ketua Pengarah Majlis meluluskan suatu tempoh latihan perantisan ekoran perubahan kepada tafsiran kontrak perantisan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 adalah untuk memasukkan seksyen baru 3A selepas Seksyen 3 Akta Ibu. Seksyen 3A akan membolehkan majikan-majikan sektor perkilangan yang mempunyai pekerja antara 10-49 orang dan dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta diberi pilihan untuk berdaftar dengan majlis. Mereka ini yang berdaftar hanya perlu membayar levi pembangunan sumber manusia pada kadar setengah peratus daripada upah bulanan pekerja.

Peruntukan baru ini adalah terpakai eksklusif pada golongan majikan berkenaan dan bertujuan menggalakkan mereka bergiat aktif dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Ini selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan perusahaan kecil dalam negara kita agar mereka sama-sama melangkah ke dalam arus pengeluaran berteknologi tinggi.

Peruntukan akta masa kini tidak memberi pilihan kepada majikan dan hanya mereka yang berdaftar dimestikan membayar levi pada kadar 1% daripada upah bulanan pekerja. Sebagai dorongan tambahan, kerajaan juga telah membuat keputusan bahawa majikan-majikan sektor perkilangan berkenaan yang berdaftar dengan majlis akan diberi subsidi, bagi setiap RM1 levi yang dibayar oleh pengusaha-pengusaha kecil ini, kerajaan akan memberi subsidi sebanyak RM2. Skim subsidi ini akan berkuatkuasa selama 5 tahun dan dikaji semula selepas itu. Dalam hubungan ini, sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 adalah untuk memasukkan seksyen baru 3B selepas seksyen 3A akta ibu. Ianya bertujuan memberi kuasa secara khusus kepada majlis untuk mengenakan faedah ke atas bayaran levi tertunggak atas kadar 10% setahun berkenaan dengan setiap hari keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran.

Adalah dicadangkan supaya amaun faedah minimum RM5 dikenakan atau ringgit tertinggi yang paling hampir mengikut mana yang lebih tinggi. Pada masa ini terdapat sebilangan kecil majikan yang enggan atau lewat membayar levi yang diwajibkan dan tindakan undang-undang sedang diambil terhadap mereka. Dengan adanya peruntukan ini, majlis berharap majikan berkenaan akan terus membayar levi yang diwajibkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan menggunakannya untuk melatih semula pekerja mereka.

Majikan-majikan yang gagal membayar levi tertunggak berserta faedahnya tidak layak mendapat geran latihan sehingga ia membayar kesemua levi tertunggak berserta faedahnya.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 6 akta ibu, pindaan kepada subseksyen 6(1) akan membolehkan majikan yang telah membayar levi setelah didaftarkan menjadi layak serta-merta untuk memohon dan mendapatkan bantuan kewangan atau faedah yang lain di bawah akta. Mereka boleh terus menjalankan aktiviti latihan tanpa perlu menunggu tempoh selama 6 bulan seperti yang ditetapkan sekarang. Pindaan ini meliberalisasikan lagi penggunaan Skim Penggunaan Sumber Manusia, di samping menangani masalah dan keresahan di kalangan majikan-majikan yang baru berdaftar, yang serius hendak memulakan latihan secepat mungkin.

Selaras dengan pindaan subseksyen 6(1), subseksyen 6(2) juga dipinda bertujuan untuk membolehkan seseorang majikan yang mengambil kepentingan majikan lain akan terus layak mendapat faedah majikan lama, dengan demikian latihan kepada pekerja dapat dijalankan secara berterusan dan aktiviti melatih pekerja akan dapat digalakkan.

Pindaan kepada subseksyen 6(3) adalah pindaan berbangkit yang menjadi perlu dengan adanya seksyen baru 3B yang memberi kuasa kepada majlis mengenakan faedah ke atas pembayaran levi yang tertunggak. Dengan pindaan subseksyen berkenaan hanya majikan yang telah membayar kesemua levi yang tertunggak serta faedah yang dikenakan layak menerima bantuan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 adalah pindaan berbangkit untuk meminda subseksyen 9(1)(a) akta ibu lanjutan kemasukan seksyen baru 3A. Seperti yang dijelaskan tadi, seksyen 3A memperluaskan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia meliputi pengusaha-pengusaha kecil sektor perkilangan yang mempunyai pekerja antara 10-49 orang dan dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta diberi pilihan untuk berdaftar dengan majlis.

Pindaan kepada seksyen 9(1)(a) bertujuan membolehkan pungutan levi kepada golongan majikan berkenaan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia selain pungutan daripada mereka yang digolongkan di bawah seksyen 3.

Cadangan pindaan terakhir seperti di Fasal 7 adalah untuk meminda seksyen 15 akta ibu bagi menambah bilangan anggota Majlis Pembangunan Sumber Manusia daripada 12 orang kepada 14 orang. Adalah dicadangkan ahli-ahli majlis yang terdiri dari wakil-wakil majikan ditambah dari 8 orang kepada 10 orang; tambahan 2 orang lagi ahli majlis di kalangan wakil-wakil majikan adalah disebabkan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia telah diperluaskan meliputi majikan sektor perkhidmatan.

Pada masa ini 6 orang wakil sektor perkilangan dan 2 orang wakil sektor perkhidmatan menjadi ahli majlis. Demi untuk menjaga dan memelihara kepentingan majikan sektor perkhidmatan serta menseimbangkan lagi representasi dalam majlis, maka cadangan pindaan ini dibuat. Cadangan-cadangan pindaan tersebut akan memberi peluang kepada majikan-majikan sektor kecil perkilangan menyertai Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Adalah juga diharap dengan penyertaan mereka di dalam Skim Kumpulan Wang tersebut, tenaga pekerja negara akan dipertingkatkan kemahirannya bersesuaian dengan penggunaan teknologi semasa. Dengan pindaan ini juga bukan sahaja penggunaan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dapat diliberalisasikan, malahan pelaksanaan skim tersebut akan dapat dimantapkan lagi, bagi mempergiatkan usaha-usaha melatih semula pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

6.21 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberikan serba sedikit pandangan mengenai Akta

Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995 dan seterusnya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, kita memang mengalu-alukan bahawa bantuan daripada sumber kewangan ini tidak hanya bertumpu kepada sektor pembuatan, di mana sebagaimana yang kita ketahui ianya telah pun dilanjutkan ataupun diberikan juga kepada sektor perkhidmatan. Kita ketahui sektor perkhidmatan merupakan penyumbang hampir-hampir 45% daripada keluaran negara kasar bagi tempoh tahun 1995 hingga ke tahun 2000 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kita beralih kepada instensif modal (capital intensive). Nampaknya di bawah pindaan yang ada sekarang ini hanya firma-firma yang mempunyai kakitangan yang pada mulanya dahulu untuk mereka yang mempunyai kakitangan lebih daripada 50 orang yang dibenarkan, diminta menyumbang dan juga diberikan untuk menggunakan kewangan daripada tabung yang telah pun ditubuhkan. Pada hari ini telah pun dipinda untuk menjadikan kepada firma-firma yang lebih daripada 10 dan kurang daripada 50 orang juga. Tetapi pada masa yang sama sebagaimana yang kita ketahui di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kita sekarang sedang beralih kepada syarikat-syarikat yang lebih bertumpu kepada intensif modal. Jadi, saya percaya akan tiba masanya kelak, akan ada syarikat-syarikat yang walaupun pekerjanya kurang daripada 10 orang, tetapi mempunyai pusingan ataupun pengeluaran yang berlipat ganda ataupun lebih daripada firma-firma yang mempunyai pekerja-pekerja yang lebih daripada 50 orang seperti yang telah pun di tetapkan di bawah Akta ini.

Oleh itu, saya berharap juga supaya pihak kerajaan bukan hanya memikirkan dari segi bilangan pekerja, tetapi juga memikirkan dari segi bilangan sumbangan ataupun modal ataupun turn-over daripada syarikat-syarikat yang berkenaan. Kerana kalau kita bertumpu sangat kepada pekerja sebagaimana yang saya telah katakan tadi, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, tumpuan kita ialah pada instensif modal dan mungkin 10 pekerja yang ada dalam sesebuah syarikat tadi akan memberikan pengeluaran yang lebih kepada kilang-kilang yang mempunyai lebih ramai pekerja.

Di samping itu juga, saya ingin mencadangkan supaya kewangan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini juga boleh difikirkan untuk melatih pekerja-pekerja yang kebanyakannya sekarang ini, kalau di desa-desa atau di kawasan-kawasan luar bandar yang mana kalau dikatakan sekarang penoreh getah, dia bekerja biasanya dari jam 5.00 pagi atau 6.00 pagi hingga pukul 11.00 pagi atau 2.00 tengah hari. Selepas itu pada sebelah petang boleh dikatakan 'either' pekerja-pekerja ini tidak mempunyai pekerjaan. Kalau tenaga-tenaga ini juga boleh diberikan latihan dan untuk bekerja di kilang-kilang di kawasan-kawasan yang berhampiran kerana pada masa sekarang kerajaan juga akan memberikan tumpuan untuk menubuhkan kilang-kilang di kawasan-kawasan luar bandar.

Saya harap juga pihak kementerian dapat memikir untuk melatih pekerja-pekerja ataupun petani-petani ataupun penoreh-penoreh getah yang duduk di kawasan-kawasan luar bandar, yang kadangkala bekerja hingga jam 11.00 pagi atau 12.00 tengah hari dan selepas itu mereka ini diberikan latihan yang tertentu supaya mereka ini pula boleh bekerja di kilang-kilang yang berhampiran dengan kawasan-kawasan tertentu. Jadi, dengan ini bukan sahaja kita dapat mengurangkan 'kekangan' atau 'tekanan' terhadap tenaga buruh yang berkurangan di negara kita, tetapi pada masa yang sama juga ianya akan dapat menambahkan lagi pendapatan oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar.

Cuma itu sahajalah pandangan saya dan dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Kamalia binti Ibrahim.

6.26 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama turut membahaskan Suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana telah berjaya untuk mengadakan atau mewujudkan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan seterusnya telah dapat mengadakan berbagai-bagai aktiviti dan juga program-program untuk melatih semula pekerja-pekerja yang dalam bidang perkhidmatan dan juga perkilangan.

Saya percaya dengan usaha-usaha yang gigih kita tentunya akan dapat mengatasi masalah-masalah sumber manusia terutamanya kita menuju ke arah negara yang membangun dan berasaskan teknologi tinggi. Cuma saya ada satu pandangan di sini, kalaulah Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini benar-benar berhasrat untuk memastikan bahawa sumber manusia yang wujud di negara ini merupakan sumber manusia yang benar-benar dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara mengikut kehendak-kehendak yang diperlukan oleh negara.

Saya ingin mencadangkan atau mungkin kementerian sudah ada, mewujudkan atau merancang satu pelan tindakan yang menyeluruh, yang mana dalam erti kata, kementerian atau Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini ataupun apa jabatan sekali pun yang dalam kementerian dapat mengumpul semua data pekerja-pekerja dalam perkhidmatan perkilangan dan mengenal pasti potensi-potensi pekerja-pekerja ini yang mungkin boleh diberi latihan semula untuk kerajaan atau kementerian dapat benar-benar mengetahui, apakah jenis atau sumber manusia atau tenaga pekerja yang negara ada dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Sumber Manusia? Ini juga termasuklah untuk kementerian dapat merancang tentang latihan-latihan teknikal contohnya, mungkin ada kerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya memastikan bahawa sumber tenaga manusia kita ini benar-benar mengarah kepada apa yang dikehendaki oleh negara dalam pembangunan menuju ke Wawasan 2020?

Saya juga ingin mencadangkan bahawa Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini dengan data yang terkumpul itu mungkin dapat mengawal perkembangan pembangunan sumber manusia di negara ini terutamanya dari segi tenaga kerja. Kerana dengan ini juga kita akan dapat memastikan bahawa tenaga kerja yang ada di negara ini sama ada mungkin tenaga kerja kita dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang, yang mungkin juga boleh diambil kira daripada penuntut-penuntut sekolah juga dapat dibanci dan dapat diatur untuk menepati kehendak-kehendak negara.

Saya juga mungkin kurang arif, jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan siapakah sebenarnya anggota-anggota Majlis Pembangunan Sumber Manusia, di sini ditambah dari 8 kepada 12 dan 10 kepada wakil majikan.

Saya ingin mencadangkan bahawa Majlis ini bukan sahaja dianggotai oleh wakil-wakil majikan, tetapi juga konsultan-konsultan, sumber tenaga manusia untuk memastikan bahawa perancangan untuk latihan atau melatih semula sumber manusia ini dapat dilaksanakan dengan lebih profesional. Saya merasakan perlu juga seorang wakil wanita diletakkan supaya masalah-masalah wanita sebagai pekerja juga dapat diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang ingin saya nyatakan dan saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Puan Kamalia, betul-betul jam 6.30 petang. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin ini iaitu 27hb. Mei 1996.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.